

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PAHANG)

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

NAZIRAH BINTI RAMLI

KETUA UNIT KUALITI :

MOHD SAFWAN BIN RAMLI

PENYELARAS :

NOOR JUNAINI ARWIN BINTI YAACOB

PENULIS :

1. NOOR JUNAINI ARWIN BINTI YAACOB
2. SALIMAH BINTI AHMAD
3. ROSMAH BINTI NIZAM
4. MOHD NORAFIZAL BIN ABD AZIZ
5. HAMIZAH BINTI MOKHTAR
6. AINAMARDIA BINTI NAZARUDIN
7. NUR'AIN BINTI MAT YUSOF

8. MAISARAH BINTI MOHD SALEH
9. SITI AISHAH BINTI MOHAMAD
10. SUHANOM BINTI MOHD ZAKI
11. MAISARAH BINTI ISHAK
12. ROZELEENDA BINTI ABDUL RAHMAN
13. RAFIZAH BINTI MOHD NOOR
14. NURUL IZZAT BINTI KAMARUDDIN
15. ZATI' ISMAH BINTI ISHAK
16. SITI ZALEHA BINTI HAMID
17. ENGKU AZLIN RAHAYU BINTI ENGKU ARIFF
18. SITI AISHAH BINTI ABD RAHMAN
19. MAS'UDAH BINTI ASMUI
20. ARINA NABILAH BINTI ABD. LATIF
21. NORLAILY ASNAWI BINTI SULAIMAN
22. MOHD FAIZAL AZRUL AZWAN BIN MUHAMED @ CHE HARUN
23. AMAR BIN SHARUDDIN
24. MOHD AMLI BIN ABDULLAH @ BAHARUM
25. ROSMAWATI BINTI MAAROF
26. YUSRI HELMI BIN MUHAMMAD
27. LEE SENG HUA
28. ROSMAWATI BINTI MD SAAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UCPH sentiasa menggerakkan objektif strategik dengan memberi fokus kepada kecemerlangan, sinergi dan integriti berlandaskan fokus yang telah digariskan dalam pelan strategik UiTM 2025 untuk mencapai sasaran Globally Competent 2022 dan Globally renowned University (GRU) 2025. Sebanyak enam mekanisme utama telah dirangka bagi mencapai objektif pembangunan pelajar melalui penghayatan nilai dan etika warga UiTM yang mengamalkan nilai iDART dan ESI. Mekanisme tersebut adalah:

1. memantapkan perancangan strategik dengan menyediakan ekosistem yang konstruktif kepada pelajar dan pensyarah agar mempunyai minda global sehingga mampu bersaing di peringkat antarabangsa.
2. Penerapan nilai P.A.H.A.N.G bagi menyuburkan nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelekt (JERI), menerusi 3 dasar utama: i.persekitaran untuk mengimbangi pembangunan pelajar melalui pembangunan LESTARI, ii.hospitaliti dengan menjunjung nilai kemanusiaan global dan global melalui perkhidmatan terbaik dan layanan mesra, dan iii.apresiasi.
3. menjamin kesejahteraan pelajar termasuk pelajar OKU dalam penyediaan ruang PdP yang kondusif, kemudahan peralatan, kesihatan dan riadah serta kelestarian persekitaran. Selain dari kesejahteraan dari aspek fizikal, kesejahteraan aspek mental pelajar juga diberi penekanan.
4. meningkatkan prestasi akademik dan kemahiran selari dengan sasaran Education 5.0, melalui pemantapan proses PdP, memastikan tenaga pengajar berkualiti serta prasarana pembelajaran adalah mencukupi dan kondusif.
5. meningkatkan motivasi di mana setiap kejayaan pelajar perlu kepada pengiktirafan.
6. meningkatkan imej universiti melalui pelbagai aktiviti seperti pertandingan inovasi di kalangan pelajar di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa, mobiliti pelajar, dan webinar akademik, program kemanusiaan dan budaya.

Pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik untuk pembangunan pelajar dapat dijalankan dengan lebih berkesan dengan tiga kaedah utama iaitu;

1. ketelusan dan keberkesanan komunikasi secara top-down/bottom-up dan kitaran.
2. penyediaan platform pelaksanaan inisiatif bagi meningkatkan potensi pelajar melalui penganjuran program kepimpinan, keusahawanan dan kerohanian seperti ceramah agama dengan kerjasama antara bahagian hal ehwal pelajar (BHEP) dan unit hal ehwal Islam (UHEI). Selain itu, program sukan dan e-sukan juga diberi penekanan untuk membentuk pelajar yang holistik.
3. Melatih pelajar dengan ciri kepimpinan global melalui pelantikan pelajar dalam barisan kepimpinan persatuan seperti Entertainment of Muslim Art Club (EAC) dan penglibatan pelajar dalam seminar kepimpinan belia anjuran Institut Pembangunan dan kecemerlangan kepimpinan (i-LEAD).

Proses pemantauan juga adalah kunci kepada kejayaan sesuatu inisiatif bagi pembangunan pelajar di UCPH melalui penggunaan aplikasi e-aduan, maklumbalas pelanggan dan staf, dan Facebook(FB) Rasmi UCPH. Maklumat yang diperolehi daripada pemantauan ini membolehkan pihak pengurusan UCPH mengukur akan keberkesanan sesuatu inisiatif. Maklumat yang

perolehan dan analisis di mana kejayaan sesuatu inisiatif ka-enhancement melalui laporan di media sosial, akhbar, surat penghargaan dari pelanggan, pemantauan projek dan kajian keberkesanan. Maklumat ini telah dijadikan sebagai sumber bagi penandaarasan dan penambahbaikan untuk inisiatif seumpamanya atau yang baharu.

Data yang diperolehi daripada penganalisan ini dibentangkan dalam Mesyuarat dalaman dan digunakan untuk menilai dan mengkaji semula pelaksanaan sesuatu inisiatif itu. Kajian semula dibuat berdasarkan analisa ke atas faktor sumber, sumber manusia, keperluan dan keadaan semasa serta maklumbalas dari pihak berkepentingan. Tindakan penambahbaikan juga dibuat berdasarkan faktor-faktor ini supaya tindakan penambahbaikan yang dilakukan lebih berdaya maju dan realistik. Kaedah ini juga dikongsi dengan ketua-ketua jabatan untuk diaplikasikan pula di peringkat jabatan dan seterusnya dibentangkan dalam mesyuarat ketua bahagian untuk tindakan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UCPh diterajui oleh Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan diperkukuhkan dengan barisan Ahli Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) yang beroperasi di kampus Jengka dan kampus Raub (UCPh-Lampiran K1 1.1.1). Bagi menggerakkan bidang tumpuan, Pengurusan Kanan UCPh mengamalkan kaedah **Partisipatif** dan **Terbuka**. Enam mekanisme utama telah dirangka iaitu:

i. Pemantapan perancangan strategik untuk pembangunan pelajar berteraskan bakat dan nilai serta kepimpinan berkelas global direalisasikan dengan konsep SMARTER (*Specific, Measurable, Attainable, Realistic, Timely, Evaluate and Reviewed*) dan **PDCA** seperti dalam rajah 1.4 di lampiran UCPh_Lampiran KI 1.1.3. Aktiviti pelajar juga dirangka bersesuaian dengan objektif untuk menjadikan UiTM sebagai universiti yang *globally competent* pada tahun 2022 dan *globally renowned university* pada tahun 2025.

ii. Nilai **P.A.H.A.N.G** seperti dalam rajah 1.2 di lampiran UCPh_Lampiran KI 1.1.2 diterapkan untuk mendokong nilai ESI dan iDART untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi EQ dan IQ. Nilai positif dari aspek **JERI** seperti dalam rajah 1.3 di lampiran UCPh_Lampiran KI 1.1.2) serta nilai kemanusiaan sejagat diterap dan disuburkan. Pembangunan pelajar dipacu melalui 3 dasar utama: i. *persekitaran* ii. *hospitaliti* dan iii. *apresiasi* untuk membangunkan pelajar yang dinamik dan holistik.

iii. Kesejahteraan pelajar dijamin melalui penyediaan ruang PdP yang kondusif, kemudahan peralatan, kesihatan dan riadah serta kelestarian persekitaran. Kemudahan pembelajaran dipastikan oleh pengurusan kanan melalui lawatan ke bilik kuliah sebelum sesi pengajian bermula. Peningkatan ilmu dan kemahiran dalam kalangan pelajar dilestarikan menerusi penganjuran webinar, latihan industri serta program kolaborasi dengan universiti tempatan dan antarabangsa.

iv. Bagi memantapkan proses PdP, pengurusan kanan sentiasa memastikan tenaga pengajar berkualiti dengan meningkatkan keprofesionalan pensyarah dan menyediakan prasarana yang kondusif. SuFO dan ProPENS bagi penilaian kaedah pembelajaran dan maklum balas mengenai PdP pensyarah diwajibkan kepada pelajar dan pensyarah. Pelbagai kursus kemahiran dan insaniah di dalam dan luar universiti juga disediakan contohnya bengkel fotografi dan seminar kepimpinan belia seperti ditunjukkan dalam lampiran UCPh- Lampiran K1 1.1.3.

v. Pengurusan UCPh telah menetapkan setiap kejayaan pelajar UCPh perlu diiktiraf. Ini dilakukan melalui pengumuman melalui laman web, hebahan melalui FB rasmi dan e-mel, pemberian surat/sijil penghargaan serta diraikan dalam majlis kecemerlangan akademik seperti gambar di lampiran UCPh-Lampiran K1 1.1.4. Pengurniaan anugerah dibincang dan diluluskan dalam mesyuarat JKEN, seperti minit mesyuarat dalam lampiran UCPh-Lampiran K1 1.1.3.

1. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk meletakkan UCPh dalam peta universiti **tempatan dan antarabangsa seperti melakukan program kolaborasi dalam bidang akademik** dan kemanusiaan bersama universiti serta masyarakat tempatan dan luar negara, rujuk lampiran UCPh-Lampiran K1 1.1.3.

UCPh menyediakan perancangan sistematik dengan mengambil kira inovasi dengan cara memastikan misi, visi dan halatuju UCPh difahami oleh semua peringkat pelajar. Beberapa inovasi dari kalangan staf terhasil seperti PERMATA, STALIC, SPARK, *Floodsgo* dan *X-Pire* tercetus untuk pembangunan pelajar. Selain itu kebajikan pelajar termasuk pelajar OKU, pembangunan pelajar dalam bidang sukan dan penglibatan dengan masyarakat luar diambil kira dalam perancangan yang sistematik. Rujuk jadual 1.1 untuk kaedah dan pendekatan sistematik di lampiran UCPh-Lampiran K1 1.1.4.

Perancangan dan pendekatan UCPh dikongsi bersama oleh pengurusan kanan dengan warga kampus khususnya pelajar melalui program perkongsian seperti Amanat Rektor, Majlis

Senarai dan mengemulakan bersama ini seperti dalam jadual 12 di lampiran 01 dan lampiran K1 1.1.5 .

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_K01_KB02_20231_Lampiran K1 1.1.1 JKEN dan MPD.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB02_20232_UCPh_Lampiran K1 1.1.2 iDART_PAHANG_JERI.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB02_20233_UCPh_Lampiran K1 1.1.3 PDCA aktiviti kepimpinan & pelajar.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB02_20234_UCPh_Lampiran K1 1.1.4. Penghargaan.pdf](#)
5. [K0061_K01_KB02_20235_UCPh_Lampiran K1 1.1.5 Perkongsian perancangan pengurusan kanan dan pelajar.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN PELAJAR BAGI MENCAPAI OBJEKTIF DAN INISIATIF STRATEGIK

Pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bagi pengurusan dan pembangunan pelajar telah dijalankan melalui tiga kaedah utama: i) pengurusan dan **ketelusan dalam komunikasi**, ii) penyediaan **platform pelaksanaan** inisiatif, dan iii) **kepercayaan dan penurunan kuasa** kepada PTJ.

i. Pengurusan Kanan telah mengamalkan mekanisme pengurusan dan **ketelusan dalam komunikasi**, sama ada secara formal dan tidak formal untuk menyebarkan luas informasi dan menerapkan nilai-nilai murni kepada seluruh warga kampus khususnya pelajar melalui komunikasi secara *top-down/bottom-up* dan kitaran. Dengan ini segala informasi berkaitan objektif dan inisiatif strategik telah dapat disampaikan secara komprehensif kepada semua peringkat warga UCPh. Justeru, proses-proses mengikut perundangan dan tingkah laku beretika ditekankan oleh Pengurusan Kanan kepada pelajar dan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan program - program interaksi secara fizikal atau atas talian. Program seperti hari sua mesra, memo, pekeliling rektor/penolong pendaftar dan dokumen dasar/polisi merupakan medium komunikasi yang diguna pakai ditunjukkan dalam jadual 1.3 di lampiran UCPh-Lampiran K1 1.2.

ii) Pelbagai **platform** juga telah **disediakan** untuk memastikan **pembangunan pelajar yang holistik dan dinamik**. Justeru itu, bagi mengimbangi perkembangan jasmani dan rohani, pelbagai aktiviti telah dianjurkan pada tahun 2022 sama ada secara fizikal atau atas talian yang bertujuan untuk memberi motivasi bagi membangunkan kerohanian pelajar. Contohnya dengan penganjuran forum kerohanian dan program *ihya Ramadhan* dan penyediaan bas untuk memudahkan pelajar pergi dan balik untuk melaksanakan solat tarawih dan mengikuti program *ihya Ramadhan* di *Uwais Al-Qarni* seperti dalam lampiran UCPh-Lampiran K1 1.2.2.

Manakala bagi mengembangkan pencapaian akademik pelajar, pelbagai program yang bersifat akademik dan bukan akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah dijadikan sebagai acara yang wajib dan menjadi simbol kecemerlangan sejajar dengan agenda GRU 2025, contohnya *inbound outbound programme* antara pelajar PPIM dan Leeds Trinity University dan Summer Camp on Sport antara pelajar FSSR dan Universiti Negeri Malang Indonesia seperti di lampiran UCPh-Lampiran K1 1.2.1.

Kolaborasi pengajaran dan pembelajaran dengan universiti luar dan industri juga telah membantu meningkatkan kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik, kemahiran, keusahawanan dan inovasi. Platform latihan dan kemahiran seperti "Asnafpreneur" dan KMK mart diwujudkan bagi meningkatkan kompetensi keusahawanan semua pelajar UCPh terutama golongan asnaf, rujuk lampiran UCPh-Lampiran K1 1.2.3. Terdapat tiga bidang kemahiran yang dikhaskan kepada pelajar asnaf yang berdaftar iaitu urutan sukan, dandanan dan gunting rambut melalui kolaborasi dengan Maybank Islamic Berhad.

iii) Inisiatif **pemeriksaan pelajar** juga disebarluaskan melalui **kepercayaan dan penurunan kuasa kepada PTJ dan seterusnya kepada Majlis Perwakilan Pelajar** dan persatuan pelajar. Pembentukan jawatankuasa dan pelantikan staf yang bertanggungjawab bagi menguruskan aktiviti pelajar merupakan salah satu daripada inisiatif pemeriksaan pelajar oleh pengurusan kanan. Tujuh bidang pemeriksaan telah dikenalpasti iaitu kecemerlangan akademik, kepimpinan pelajar, nilai kesejahteraan dan kerohanian, sukan, keusahawanan, inovasi dan penyelidikan serta penerbitan. Pelbagai aktiviti pelaksanaan untuk mencapai objektif inisiatif strategik seperti dialog transformasi anak muda (TAMU), seminar kepimpinan, program *ihya Ramadhan*, penganjuran Sport Carnival, penubuhan pusat inkubator MASMED dan KMK mart, penyertaan dalam pertandingan inovasi dan penerbitan berindeks serta pembentangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dari kalangan pelajar. Rujuk rajah 1.6, jadual 1.3 dan

1.4 di lampiran UCPh-Lampiran K1 1.2.4)

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_K01_KB03_20231_UCPh_Lampiran K1 1.2.1 _medium komunikasi_inbound_outbound.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB03_20232_UCPh_Lampiran K1 1.2.2 _pembangunan kerohanian.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB03_20233_UCPh_Lampiran K1 1.2.3. Platform keusahawanan.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB03_20234_UCPh_Lampiran K1 1.2.4 Bidang pemerksaan dan pelaksanaan.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Penggunaan **Kaedah 4P** seperti dalam Jadual 1.5 di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.3.1 sebagai **pelan pemantauan dalam mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif** telah menunjukkan impak yang positif dalam memastikan kejayaan. Selain itu, pemantauan melalui aplikasi e-aduan, *Student Involvement Report System (SIRS)*, maklum balas pelajar (SuFO), EE-survey, laman sesawang Rasmi UCPH, media sosial serta laporan sebelum dan selepas program turut digunakan. Analisis kekuatan dan kelemahan dibuat melalui laporan dari sumber yang dinyatakan termasuklah laporan akhbar, surat penghargaan, laporan projek dan kajian keberkesanan. Maklumat ini dijadikan sumber penandaarasan dan penambahbaikan untuk inisiatif seumpamanya atau baharu yang bakal dilaksanakan contohnya penandaarasan yang telah dijalankan oleh Unit Kesihatan ke Institut Kanser Negara seperti di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.3.1)

Rungutan serta laporan keberkesanan pula merupakan indikator bagi permasalahan atau ketidaksempurnaan pelaksanaan sesuatu inisiatif itu. Rajah 1.7 di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.3.2) menggambarkan pelan pemantauan yang dipraktikkan oleh pengurusan UCPH bagi setiap inisiatif. Hasil laporan akan dibentangkan di dalam mesyuarat pengurusan secara berkala di mana langkah-langkah penambahbaikan dibincangkan. Seterusnya kaedah penambahbaikan yang telah dikenalpasti akan dikongsi dan diaplikasi di peringkat jabatan dan hasilnya dibentangkan dalam mesyuarat jabatan untuk tindakan. Jadual 1.5 di lampiran K1 1.3.1 dan Rajah 1.7 di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.3.2 meringkaskan mekanisma yang digunakan dalam memantau kejayaan dan punca kegagalan sesuatu inisiatif.

Penerapan nilai dan peringatan agar pelajar mematuhi dasar, polisi serta peraturan UiTM dalam berurusan dan interaksi sentiasa dilakukan. Rajah 1.8 di lampiran UCPH K1 1.3.3 dan Jadual 1.6 di lampiran K1 1.3.4 menunjukkan langkah pematuhan oleh pelajar dan dokumen yang menjadi rujukan agar peraturan dan undang-undang sentiasa dipatuhi dalam segala tindakan yang diambil. Mekanisme pemantauan dan pencegahan yang difokuskan oleh pengurusan kanan UCPH bagi pembangunan pelajar dari aspek pencapaian akademik, kesejahteraan, disiplin, keprofesionalan pensyarah dan keseluruhan organisasi adalah seperti dalam jadual 1.6 di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.3.4. Sekiranya berlaku pelanggaran dalam perkara yang dipantau maka pengurusan kanan akan memberi nasihat, amaran, surat tunjuk sebab, saman, peringatan dan tindakan tatatertib mengikut kes dan kesesuaian. Bagi mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif, kajian semula laporan penilaian dan indikator seperti dalam jadual 1.7 di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.3.4 dan perkongsian dibuat kepada semua warga UCPH.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_K01_KB04_KC01_20231_UCPh_Lampiran K1 1.3.1_kaedah 4P_penandaarasan.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB04_KC01_20232_UCPh_Lampiran K1 1.3.2_Pelan pemantauan.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB04_KC01_20233_UCPh_Lampiran K1 1.3.3.Pematuhan Etika.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB04_KC01_20234_UCPh_Lampiran K1 1.3.4 Mekanisme pemantauan.pdf](#)
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sebelum sesuatu inisiatif itu dilaksanakan, kajian SWOT telah dibuat untuk mengenalpasti sebarang kelemahan dan ancaman yang menyumbang kepada risiko kejayaan inisiatif tersebut. Setiap PTJ perlu menyediakan daftar risiko dan perlu mengemaskini perkembangan setiap risiko dalam laporan daftar risiko. Jadual 1.8 di lampiran UCPH_Lampiran K1 1.4.1 menunjukkan pengurusan risiko menjadi keutamaan kepada Pengurusan Kanan UCPH untuk menjangka, merancang tindakan, menilai, mengurus dan menyampaikan isu-isu risiko dari perspektif pencapaian pembangunan pelajar.

Selain itu, beberapa jawatankuasa utama yang melibatkan Pengurusan Kanan telah dikenalpasti dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan seterusnya memberi kemaslahatan kepada pelajar termasuklah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JOBN), Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR).

Jawatankuasa Pengurusan Bencana (JOBN) bertanggungjawab terhadap pengurusan bencana seperti banjir dan wabak bertindak menyelaraskan keperluan pengurusan dan bantuan bencana seperti menentukan bantuan logistik, penyampaian informasi terkini dan mewujudkan sistem pengumuman dan amaran kepada pelajar dan staf yang terlibat. Setiap aktiviti yang telah dijalankan perlu dilaporkan dalam mesyuarat JOBN. Rujuk di lampiran (UCPh_Lampiran K1 1.4.2)

Manakala jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) yang dipengerusikan oleh Rektor UCPH bertindak menyediakan dan memberi maklumat mengenai pengurusan dan tanggungjawab pekerja dengan menggabungkan keselamatan dan kesihatan dalam merancang sebarang kontigensi bagi memastikan persekitaran yang selamat. Wakil pelajar turut dilantik sebagai ahli jawatankuasa dimana pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuklah kursus yang disertai oleh 60 orang pelajar UCPH bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan disamping meningkatkan kebolehpasaran dan kemahiran pelajar UCPH. Rujuk di lampiran (UCPh_Lampiran K1 1.4.2).

Jawatankuasa pengurusan risiko pula diberi tanggungjawab bagi mengenal pasti risiko berkaitan akademik, keselamatan, kesihatan, sosial dan kebajikan, seperti dalam rajah 1.9 di lampiran UCPH_Lampiran K1 1.4.1 di mana setiap PTJ perlu membuat daftar risiko, mewujudkan jawatankuasa bertindak dan menguruskan risiko. Beberapa platform dan mekanisme telah digunakan seperti penggunaan perisian *ouriginal* untuk mengelakkan risiko plagiarisme dikalangan pensyarah dan pelajar, semakan pemeriksa ke-2 bagi skrip peperiksaan dan pemantauan disiplin pelajar seperti dalam jadual 1.9 di lampiran UCPH Lampiran K1 1.4.1. Antara aktiviti yang telah dibuat oleh UCPH untuk keselamatan pelajar adalah mengadakan mesyuarat Koordinasi Kempen Dan Lawatan Tapak Bersama Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) seperti di lampiran UCPH_Lampiran K1 1.4.2

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_K01_KB04_KC02_20231_UCPh_Lampiran K1 1.4.1 Pengurusan risiko & pencegahan.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB04_KC02_20232_UCPh_Lampiran K1 1.4.2 Aktiviti JK.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mekanisme Analisa dan Penambahbaikan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar ditunjukkan dalam Jadual 1.10 di lampiran UCPH_Lampiran K1 1.5. Manakala hasil yang diperolehi melalui tindakan penambahbaikan prestasi Pengurusan Kanan ditunjukkan dalam Rajah 1.9 di lampiran UCPH_Lampiran K1 1.5.1. Pengurusan Kanan turut membuat pemantauan dan analisa secara berkala untuk mengkaji halangan yang menyebabkan ketidakberhasilan sesuatu inisiatif. Ini dilakukan oleh pihak pengurusan atau PTJ yang mendapat mandat bagi mengendalikan dan memantau sesuatu inisiatif. Pihak pengurusan menekankan kepentingan fasa ini kerana hasil dapatannya menentukan perjalanan kemajuan inisiatif seterusnya. Jika terdapat sebarang halangan, aspek-aspek berkaitan diteliti dan dikaji semula untuk proses penambahbaikan.

Kaedah yang telah digunakan bagi tujuan pemantauan dan analisa ini termasuklah penelitian Laporan AKUR, AKNC, Laporan mesyuarat JKEN, Penilaian Sasaran Kerja Tahunan dan Laporan Audit seperti dalam jadual 1.7 di lampiran UCPH_Lampiran K1 1.3.4. Laporan dan analisa yang komprehensif berdasarkan kemajuan, tren dan perbandingan, diambil kira sebagai penanda aras prestasi sesuatu inisiatif. Pengurusan kanan memberi perhatian dapatan audit dalam proses *Check* dan *Action* selepas proses *Plan* dan *Do*. Setiap laporan kemajuan inisiatif dibentangkan dan direkodkan dalam laporan *exit audit* seperti *compliance*, *non-compliance*, *required correction* dan *scope for improvement* untuk penambahbaikan prestasi. Jadual 1.11 di lampiran UCPH_Lampiran K1 1.5. menunjukkan data yang dikumpul, dianalisa dan diambil tindakan. Hasil penganalisan dikongsi bersama warga UCPH melalui mesyuarat jabatan/unit dengan penggunaan semua saluran komunikasi. Data yang diperolehi daripada penganalisan ini dibentangkan dalam Mesyuarat Jabatan dan digunakan untuk menilai dan mengkaji semula pelaksanaan sesuatu inisiatif. Kajian semula dibuat berdasarkan analisa ke atas semua faktor penyumbang kepada kejayaan sesuatu inisiatif. Tindakan penambahbaikan juga dibuat berdasarkan faktor-faktor ini supaya ianya berdaya maju dan realistik.

Tindakan kaji semula ini melibatkan analisa SMARTER dan SWOT di mana setiap kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman memberi maklumat yang signifikan. Contohnya, mesyuarat Strategik di antara UCPH bersama rakan strategik iaitu Majlis Agama Islam Pahang (MUIP), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) seperti di lampiran UCPH_Lampiran K1 1.5.2). Pelbagai perkara telah dibincangkan seperti kursus-kursus pengajian, program-program anjuran rakan strategik, serta hala tuju melibatkan golongan belia. Mesyuarat juga mewujudkan sesi perkongsian mengenai program-program yang telah dijalankan terutama dengan golongan belia serta masyarakat termasuk orang asli.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_K01_KB04_KC03_20231_UCPh_Lampiran K1 1.5.1 Penambahbaikan_hasil_prestasi.pdf](#)
2. [K0061_K01_KB04_KC03_20232_UCPh_Lampiran K1 1.5.2 Data & Analisa.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PRINSIP BUDAYA KERJA DAN SEMANGAT BERPASUKAN

Pengurusan Kanan memegang prinsip kerja berpasukan, iaitu sesuatu objektif yang dihasratkan tidak akan tercapai tanpa penggembelengan tenaga seluruh warga UCPH. Setiap inisiatif yang dirancang adalah berasaskan kepada hasil perbincangan, lontaran idea dan sumbangsaran staf pelbagai peringkat. Komunikasi dua hala ini menjadi motivasi kepada warga UCPH kerana segala pandangan dihargai, diambil kira dan disokong oleh pihak atasan. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan bagi menzahirkan kerjasama berpasukan adalah Majlis Malam Perkongsian Kolej Mat Kilau (KMK), Program Hari Sua Mesra dan Hari Akademia dan juga Hari Bertemu Pelanggan 2022. Rujuk lampiran UCPH-Lampiran K1 1.6.1

Pengurusan Kanan juga telah menunjukkan sifat kekitaan dan kesamaan dalam inisiatif yang dijalankan. Ini terbukti apabila pihak pengurusan bersama-sama mengambil bahagian dalam program-program pelajar yang dianjurkan di peringkat jabatan, komuniti setempat, nasional dan antarabangsa antaranya adalah Kursus Kepengadilan Ragbi Sentuh bersama Rektor, Majlis Apresiasi Pendidikan Tinggi Anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Pengisian Program Penutup Sesi Latihan Pusat KARISMA 2022 bersama Rektor seperti di lampiran (UCPh-Lampiran K1 1.6.2). Konsep pengurusan melalui teladan juga telah menggalakkan pembudayaan nilai murni dalam kalangan pelajar UCPH.

Apresiasi atas kecemerlangan pelajar juga telah berjaya memotivasikan pelajar untuk melibatkan diri dalam inisiatif yang dirancang untuk pembangunan pelajar dengan menghargai setiap kejayaan dan sumbangan. Sebagai contoh, setiap anugerah yang diraih, MoU yang dimeterai diwar-warkan dalam laman web UCPH sebagai dorongan kepada pelajar lain untuk turut serta.

Salah satu kaedah bagi menggerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik, Pengurusan Kanan telah membuat memorandum persefahaman (MOU) dengan pelbagai **pihak dalam dan luar negara** selari dengan matlamat GRU2025. seperti dalam jadual 1.2 di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.6.3

Pengurusan kanan juga sedia berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik kampus dengan pihak luar bagi mengetahui resepi kejayaan UCPH semasa mereka membuat kunjungan ke kampus ini. Hasilnya pelbagai program penandaarasan dan penerimaan kunjungan dari pihak luar seperti lawatan penandaarasan oleh Korea Institute of Sport Science (KISS), Korea Selatan ke fakulti Sukan dan Rekreasi seperti gambar di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.6.4.

Selain itu, Pengurusan Kanan menggerakkan jabatan dengan kaedah memberi penekanan semasa mesyuarat dan amanat yang diatur oleh pihak UCPH Rujuk jadual 1.13 di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.6.5. Manakala pekeliling diedarkan mengikut keperluan sesuatu isu bagi memastikan setiap warga memahami tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Ini termasuklah pekeliling Naib Canselor, Pendaftar, Rektor, Timbalan Rektor dan jabatan.

Selari dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (PPPM PT) 2015-2025 dan PI universiti UCPH penggunaan teknologi maklumat dan transformasi proses PdP sangat ditekankan. Pendaftaran kod kursus untuk *Massive Open Online Course* (MOOC), *Micro Credential* (MC) dan pengajaran kolaboratif (*team-teaching* atau *co-teaching*) membentuk kerjasama dengan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan serta profesional, komuniti dan masyarakat setempat serta universiti tempatan dan luar negara telah menghasilkan budaya perkongsian ilmu. Pada tahun 2022, sebanyak 10 kod kursus bagi MOOC dan 10 kod kursus bagi MC UCPH telah didaftarkan di bawah iCEPS. Ini adalah satu usaha untuk merealisasikan pendidikan 5.0 termasuk penumpuan kepada pembelajaran sepanjang hayat. Senarai pendaftaran MOOC dan MC tahun 2022 adalah seperti dalam jadual 1.14 di lampiran UCPH-Lampiran K1 1.6.5.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_K01_KB05_20231_UCPh_Lampiran K1 1.6.1. Perkongsian .pdf](#)
2. [K0061_K01_KB05_20232_UCPh_Lampiran K1 1.6.2 Penglibatan pengurusan kanan.pdf](#)
3. [K0061_K01_KB05_20233_UCPh_Lampiran K1 1.6.3 Senarai MOU.pdf](#)
4. [K0061_K01_KB05_20234_UCPh_Lampiran K1 1.6.4 Penandaarasan.pdf](#)
5. [K0061_K01_KB05_20235_UCPh_Lampiran K1 1.6.5 Penglibatan warga_Senarai Mooc.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik UiTMCPH digambarkan melalui hala tuju dengan pendekatan PDCA yang diamalkan bersama elemen sokongan P.A.H.A.N.G (Lampiran K2 2.2.1) yang merupakan tambahan kepada acuan utama aspirasi UiTM melalui GRU 2025 terutamanya aspek kecemerlangan global. Perancangan strategik UiTMCPH berdasarkan tema pengurusan dan pembangunan pelajar dinyatakan seperti ringkasan berikut:

Perancangan (Plan) UiTMCPH adalah melibatkan pembangunan objektif strategik yang berteraskan kepada aspek pengurusan dan pembangunan pelajar yang selari dengan perancangan strategik BHEP UiTMCPH. Objektif strategik yang dibangunkan adalah berteraskan kepada pembangunan pelajar yang melibatkan bakat dan nilai, serta kepimpinan pelajar berkelas global. Ini adalah selari dengan matlamat UiTM 2025 yang menuju kepada Universiti Terkemuka Dunia atau GRU 2025 khususnya kepada aspek kompetensi global (Global Competent) yang merupakan gelombang pencapaian GRU 2025 UiTM yang telah ditetapkan. Lima (5) objektif strategik telah dibangunkan dengan setiap satu daripadanya dipandu oleh inisiatif dan 24 petunjuk prestasi yang telah ditetapkan dalam aspek pembangunan pelajar. Ini juga bersesuaian dengan petunjuk prestasi UiTM khususnya dari aspek pembangunan pelajar yang menjadi tema laporan AKNC UiTMCPH.

Pelaksanaan (Do) UiTMCPH terhadap perancangan strategik dipacu oleh inisiatif yang telah disenaraikan bagi setiap objektif strategik bagi memastikan elemen kompetensi global (Globally Competent) tercapai. Setiap inisiatif ditentukan dan dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan objektif melalui perancangan program pelajar, penglibatan pelajar, penyerlahan bakat kepimpinan pelajar, kerjasama pelajar dan masyarakat sekitar dan luar Pahang serta menyediakan peluang kemenjadian pelajar UiTMCPH melalui program dan hasil yang telah dicapai oleh pelajar UiTMCPH (rujuk Bahagian Hasil Strategik). Pelaksanaan ini akan melibatkan Fakulti, Kolej Pengajian, Jabatan serta BHEP dan BHEA UiTMCPH.

Pemantauan (Check) UiTMCPH terhadap perancangan strategik dilaksanakan secara berterusan melalui mesyuarat pengurusan UiTMCPH, mesyuarat bahagian, perbincangan pencapaian petunjuk prestasi serta perbincangan secara langsung dan tidak langsung yang dikendalikan oleh Rektor, Timbalan Rektor, Ketua Jabatan, Ketua Pusat Pengajian dan kakitangan UiTMCPH. Pemantauan dilaksanakan secara berterusan dan melibatkan aspek pengurusan risiko terhadap perancangan dan pelaksanaan perancangan strategik. Penglibatan pasukan audit dalam memantau pencapaian program pembangunan pelajar khususnya objektif strategik, antara mekanisme yang digunakan di dalam aspek pemantauan ini. Justeru, pemantauan perancangan strategik yang dilaksanakan adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada kakitangan, tetapi juga melibatkan peranan MPP, DEM serta JPK yang merupakan antara nadi utama di dalam pemantauan perancangan strategik UiTMCPH berteraskan pembangunan pelajar secara berterusan khususnya dari aspek kompetensi global (Globally Competent)

Penambahbaikan (Action) di UiTMCPH dilaksanakan secara berterusan melalui pemantauan yang dinyatakan, juga melalui kaji semula pengurusan oleh pengurusan tertinggi, Fakulti dan Kolej Pengajian serta jabatan di UiTMCPH. Penambahbaikan yang dipersetujui adalah berdasarkan kepada input yang diperlukan, faktor luar serta dalaman khususnya di dalam pengurusan risiko yang diperhalusi, dibincangkan bersama dan ianya dipantau secara berterusan melalui amalan audit dalaman, audit luaran oleh pihak InQKA serta pendekatan model inovasi yang diterjemahkan kepada pengurusan MPP, DEM, JPK yang berkeupayaan membawa pelajar UiTMCPH mencapai matlamat perancangan strategik yang berteraskan kepada dua teras utama iaitu bakat dan nilai, serta kepimpinan pelajar berkelas global yang telah dirancang.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (2015 hingga 2025), dua Objektif Strategik BHEP UiTM telah dirangka untuk dicapai iaitu (1) Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar di mana UiTM dapat melahirkan profesional berinovatif, berdaya keusahawanan serta berpersonaliti unggul untuk memenuhi keperluan global serta (2) Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar dalam memastikan UiTM dapat menyediakan perkhidmatan yang berkualiti serta kemudahan yang kondusif melalui BHEP. Hal ini melibatkan kesemua unit di bawah BHEP iaitu Unit Pentadbiran Am, Unit Kepimpinan Pelajar, Unit Kokurikulum, Unit Sukan, Unit Kesihatan, Unit Kebudayaan, Unit Pengurusan Kolej, Unit Kerjaya dan Kaunseling serta Unit Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK). BHEP memainkan peranan yang amat signifikan dalam memastikan Model Agenda Pemerkasaan HEP dapat dilaksanakan dengan baik melalui tiga Teras Strategik iaitu (1) Perkhidmatan dan

Kemudahan Pelajar Yang Berkualiti, (2) Pembangunan Pelajar Berteraskan Bakat dan Nilai, serta (3) Kepimpinan Pelajar Berkelas Global. Manakala lapan Inisiatif Strategik yang menjadi tunjang utama kepada tiga Teras Strategik iaitu (1) Virtual HEP, (2) Koridor Keusahawanan, (3) Kecemerlangan Bakat, (4) Ciri Model Graduan GRU, (5) Kolej Pintar, (6) Keprihatinan dan Kesejahteraan, (7) Kelestarian Jati Diri, serta (8) Kompetensi Global mampu dilaksanakan dengan terancang dan tepat. Perancangan Strategik UCPH diadun berdasarkan kepada nilai khususnya di dalam aspek pembangunan pelajar. Aspirasi nilai P.A.H.A.N.G merupakan acuan yang diamalkan di UCPH seperti di Lampiran K2 2.2.1

Aspirasi yang telah dihasilkan adalah bersesuaian dan selari dengan matlamat GRU 2025 UiTM yang menjadi objektif utama hala tuju kecemerlangan UiTM pada tahun 2025. Aspirasi ini juga digabungkan bersama nilai UiTM yang memberi penekanan kepada aspek Excellence, Synergy dan Integrity (ESI) dan Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab (i-DART) yang bertepatan dengan tema pembangunan pelajar dan dilaksanakan kepada BHEP UCPH serta Kolej Pengajian/Fakulti di UCPH yang turut menyokong kepada pencapaian pembangunan pelajar ini secara keseluruhannya.

Bagi menetapkan hala tuju perancangan strategik UCPH, pendekatan penetapan PI UCPH yang berdasarkan Pembangunan Pelajar telah dirangka dan disenaraikan pada Lampiran K2 2.4.1, berdasarkan kepada tema teras pembangunan pelajar. Pembangunan pelajar diterjemahkan kepada kecemerlangan kompetensi pelajar UCPH samada di peringkat UiTM, kebangsaan dan antarabangsa.

Pencapaian ini ditunjukkan melalui pencapaian PI yang diperolehi melalui program, aktiviti yang telah dihasilkan oleh BHEP UCPH (Lampiran K2 2.4.1), juga pencapaian akademik pelajar UCPH dan ditunjukkan pada Hasil Strategik. Hasil kepada pelaksanaan aktiviti atau program pelajar yang ditunjukkan melalui aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh BHEP, serta pencapaian akademik, inovasi pelajar di BHEA, UiTM Global serta Kolej Pengajian/Fakulti dan disebarluaskan kepada sejangkit melalui platform perkongsian atas talian seperti yang diuraikan pada Bahagian Pengukuran berdasarkan kepada DUA (2) teras pembangunan pelajar UCPH seperti di Lampiran K2 2.4.1.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_P01_PB02_20231_Lampiran K2 2.2.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB02_20232_Lampiran K2 2.4.1.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik pengurusan dan pembangunan pelajar UCPh sejajar dengan agenda Pendidikan 5.0 dan Graduan Holistik dalam pelan strategik UiTM 2025 melalui mekanisme ESI dan iDART yang digunapakai. Menerusi UiTM 2025, UCPh memberi fokus kepada perubahan, perkembangan dan keperluan terkini negara, industri antaranya Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). Ini juga selaras dengan agenda nasional yang membabitkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), sekali gus memastikan UiTM secara keseluruhannya kekal relevan di peringkat nasional dan global.

Ciri-Ciri Penting Pelan Strategik UiTM2025 yang berkait rapat dengan strategik pengurusan dan pembangunan pelajar UCPh adalah Pendidikan 5.0@UiTM, Graduan Holistik bercirikan Keusahawanan, Perluasan Akses, Pembangunan Penyelidikan Translasi, Inovasi dan Pengkomersialan, Kerjasama Pintar bersama Industri, Komuniti dan Alumni, Kecemerlangan Bakat dan Kampus Pintar (*Smart Campus*). Ia dimantapkan lagi dengan tiga (3) nilai bersama ESI (*shared values*) iaitu *Excellence* (kecemerlangan), *Synergy* (Keterangkuman) dan *Integrity* (Integriti).

Pada tahun 2022, terdapat pelbagai projek/program yang didaftarkan di dalam sistem BHEP UCPh yang menyokong hala tuju Perancangan Strategik UiTM 2025 seperti yang ditunjukkan melalui pemetaan BHEP UCPh. (**Lampiran K2 2.3.1**) menekankan lima Kaedah Strategik yang diwujudkan serta senarai pelaksanaan program yang telah dijalankan di UCPh dalam membina perancangan strategik Pelajar UCPh agar GRU 2025 tercapai serta mendukung dan menyokong RMK 12. Manakala, program yang memberi tumpuan kepada aspek kecemerlangan keusahawanan, memperlihatkan ketampakkan kecemerlangan bakat pelajar UCPh dalam aspek keusahawanan adalah:

- Program Asnafpreneur
- Pusat Latihan Inkubator MASMED (PLIM)
- KOSISWA
- MyAgrosis

Pelaksanaan program pembangunan pelajar adalah berdasarkan kepada bidang kepakaran pelajar dan staf akademik yang mana akan dinilai melalui penghasilan kertas kerja, penilaian oleh pengarah program dan koordinator, disokong oleh KPP dan seterusnya diluluskan oleh pihak pengurusan UCPh. Pengawasan sesuatu program dikendalikan mengikut peringkat menunjukkan keprihatinan UCPh dalam memastikan bahawa pelaksanaan program yang dilaksanakan dapat memberi impak kepada aspek pembangunan pelajar dan juga kepada objektif UCPh.

Memandangkan tahun 2022 masih mengekalkan amalan berjaga-jaga, UCPh telah melaksanakan kajian Profiling kepada pelajar semester 1 yang baru dan dikendalikan oleh BHEA dan KPP. Kajian ini mengenal pasti latar belakang pelajar, keluarga, permasalahan sosial dan mental berdasarkan kepada soalan yang dikemukakan. Hasil penganalisaan dibentangkan kepada BHEA untuk tindakan selanjutnya dan inisiatif ini menyumbang kepada pembangunan pelajar dari aspek kecemerlangan akademik.

Lampiran K2 2.3.2 menunjukkan penekanan terhadap PI yang diberikan kepada Jabatan/Bahagian/Fakulti/Kolej Pengajian UCPh yang akan menjadi kayu pengukur dalam melaksanakan perancangan strategik Hal Ehwal Pelajar UCPh. Projek-projek ini berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar.

UCPh telah melaksanakan pelbagai inisiatif program yang melibatkan pembangunan pelajar melalui perancangan koordinator program yang dibentangkan pada setiap mesyuarat Fakulti/Pusat Pengajian. Penekanan utama aktiviti yang dilaksanakan haruslah berdasarkan kepada perancangan, objektif yang telah ditetapkan dan peluang peluasan pelaksanaan dapat disebarluaskan sama ada di peringkat dalaman UCPh, UiTM amnya dan di peringkat antarabangsa. Beberapa mekanisme telah direncanakan oleh UCPh agar objektif dan inisiatif strategik yang dirancang adalah sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 serta RMK 12 dalam usaha merealisasikan agenda pembangunan pelajar (**Lampiran K2 2.3.3**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_P01_PB03_20231_UCPh_Lampiran K2 2.3.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB03_20232_UCPh_Lampiran K2 2.3.2.pdf](#)
3. [K0061_P01_PB03_20233_UCPh_Lampiran K2 2.3.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan Perancangan Strategik UCPH adalah berdasarkan mesyuarat Pengurusan Tertinggi, Mesyuarat Pengurusan Strategik, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, Mesyuarat Akademik, Mesyuarat dalaman oleh Ketua Bahagian dan Ketua Pusat Pengajian dan perlu dilaporkan di dalam templat pelaporan PI yang dihasilkan oleh PSTU UCPH dengan perincian pemantauan yang telah dilaksanakan oleh UCPH dengan pemantauan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada pelan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh UCPH terhadap objektif dan inisiatif strategik yang berdasarkan kepada teras pembangunan pelajar yang telah dipilih seperti ditunjukkan pada Lampiran K2 2.4.1

Setiap objektif dan inisiatif yang telah dinyatakan, dipantau melalui mekanisme pemantauan secara berterusan oleh pihak bertanggungjawab yang bertanggungjawab kepada aspek pembangunan pelajar. Perbincangan menyeluruh serta pengenalpastian pencapaian setiap teras, adalah berdasarkan dan perkaitan dengan pencapaian, laporan serta hasil petunjuk prestasi yang telah ditetapkan kepada UCPH oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) UiTM yang berdasarkan kepada tema Global Renowned University (GRU) 2025. Keutamaan pemantauan adalah berteraskan kepada kompetensi global (Global Competent) yang menjadi agenda utama GRU 2025 UiTM pada tahun semasa. Setiap AJK PI fakulti bertanggungjawab melaporkan pencapaian PI fakulti masing-masing kepada Pegawai Tanggungjawab ini pada setiap bulan. Kemudiannya, Pegawai Tanggungjawab akan menghantar laporan pencapaian PI bagi PTJ masing-masing kepada PSTU pada 4hb setiap bulan mengikut template yang telah disediakan.

Laporan analisa prestasi daripada PTJ-PTJ berkaitan sama ada setiap semester atau tahunan dibentang dalam mesyuarat seperti JKEN, MPD, JAN, Mesyuarat Akademik, Mesyuarat Bahagian, Mesyuarat Unit dan Mesyuarat Pusat Pengajian. Memandangkan pandemik pada tahun semasa, pelaksanaan mesyuarat kualiti secara khusus adalah satu elemen dalam sistem kerja UiTMCPH yang mana objektif-objektif kualiti dinilai untuk semakan dan tindakan pembetulan. Mekanisme Plan-Do-Check-Action (PDCA) menjadi alat 'Semak dan Imbang' dalam menilai pencapaian strategik dan objektif kualiti UiTMCPH seperti ditunjukkan pada Lampiran K2 2.2.1. Disamping itu, wakil pelajar iaitu MPP turut terlibat di dalam pengendalian mesyuarat utama UCPH (Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Kolej Pengajian/Fakulti dan diperjelaskan dan boleh dirujuk pada huraian dan bukti pada Kriteria Kepimpinan.

Pencapaian pembangunan pelajar disemak, dipantau oleh BHEP dan BHEA UCPH dan dilaporkan dalam setiap perjumpaan bersama pelajar, kakitangan UCPH melalui mekanisme mesyuarat, perjumpaan bulanan oleh Kolej Pengajian, Fakulti, Bahagian serta Unit di UCPH dan didokumenkan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_P01_PB04_PC01_20231_Lampiran K2 2.4.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB04_PC01_20232_Lampiran K2 2.2.1.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko adalah satu komponen tadbir urus yang dilaksanakan oleh Kepimpinan kanan UCPh bagi memastikan objektif dan sasaran yang ditetapkan adalah tercapai. Kepimpinan kanan amat mementingkan tahap risiko yang berkemungkinan berlaku ke atas pembangunan pelajar berkaitan dengan bidang tumpuan. Antara tindakan Kepimpinan Kanan UCPh adalah seperti berikut menubuhkan Jawatankuasa Risiko, mengenalpasti dan melaksanakan Tindakan Pengurusan Risiko Pelajar serta melaksanakan mesyuarat kebajikan pelajar secara Ad-Hoc. Impaknya, pengurusan risiko menjadi keutamaan kepada Kepimpinan Kanan UCPh untuk mengenalpasti, menilai, mengurus dan menyampaikan isu-isu risiko dari perspektif pembangunan pelajar yang membawa kepada keputusan strategik untuk menyumbang kepada pencapaian bidang tumpuan. Dalam mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar, UCPh mengambil kira pandangan semua unit. Melalui sumbang saran yang dijalankan, analisis SWOT merupakan alat yang diguna pakai oleh UCPh dalam mengenalpasti risiko (kelemahan dan ancaman) yang boleh mengganggu proses pencapaian objektif dan inisiatif strategik tersebut seperti dalam Rajah 2.4.2 1 di lampiran **UCPh_Lampiran K2 2.4.2_1**.

Pelaksanaan pengurusan risiko UCPh dilaksanakan melalui kaedah mengenalpasti risiko, tahap risiko, serta kaedah menangani risiko yang mungkin dan akan berlaku. Setiap risiko ditentukan tahap melalui penilaian risiko terutamanya punca masalah serta langkah menangani risiko yang telah dikenalpasti. Daftar risiko direkodkan di dalam templat penilaian risiko yang disediakan oleh Penyelaras Unit Risiko UCPh. Daftar risiko akan dibentangkan di dalam mesyuarat pengurusan Risiko UCPh yang diadakan secara berkala setiap tahun. Penyenaraian risiko, tahap risiko serta perancangan mengatasi risiko dibincangkan bersama pengurusan tertinggi UCPh yang mengenal pasti input risiko yang perlu diberi perhatian kepada seluruh sistem UCPh. Risiko yang dikenalpasti melalui analisis dan untuk mengurangkan kesan negatif terhadap pencapaian objektif strategik melalui risiko-risiko yang dikenalpasti, tindakan pencegahan diambil seperti mana ditunjukkan dalam Rajah 2.4.2.2 di lampiran **UCPh_Lampiran K2 2.4.2_2**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_P01_PB04_PC02_20231_UCPh_Lampiran K2 2.4.2_1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB04_PC02_20232_UCPh_Lampiran K2 2.4.2_2.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi sasaran petunjuk-petunjuk prestasi yang tidak tercapai, setiap PTJ perlu membentangkan *Mitigation Plan (Way Forward)* semasa Mesyuarat Pembentangan Prestasi Sukuan UCPh. Pelaksanaan pelan ini adalah bertujuan mengoptimumkan pengurusan sumber (kewangan, tenaga kerja dan masa) bagi memastikan UCPh lebih fokus terhadap PI yang belum tercapai. Pelaksanaan Audit Dalam, Audit Luar, Audit InQKA dan Audit Kewangan merupakan mekanisme pemantauan dan kawalan yang mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam pembangunan pelajar, mengurangkan blindspot serta risiko dan mengambil tindakan pencegahan dan pembetulan. Hasil penganalisaan daripada kajian semula, pencapaiannya dikongsi kepada warga kerja dan digunakan untuk penambahbaikan secara berterusan melalui penghasilan beberapa inovasi dalam pembangunan pelajar. Ini penting bagi mengharungi cabaran-cabaran dalam IR4.0 yang mengutamakan sistem pengotomasi yang bersesuaian dengan UCPh sebagai sebuah kampus sains dan teknologi dengan beberapa program sains sosial yang menjadikan kampus ini lebih holistik.

Berdasarkan 2 teras utama KPI pelajar dengan 4 sasaran strategik utama serta 35 petunjuk prestasi (PI) yang perlu dicapai, pencapaian berdasarkan penunjuk prestasi akademik UCPh Semester 20222 & 20224 mengikut 6 KPI HEA dan sasaran prestasi ditunjukkan dalam (**Lampiran K2 2.6.1**).

Lampiran K2 2.6.2 menunjukkan tindakan penambahbaikan berdasarkan kegagalan sasaran penunjuk prestasi UCPh (pelajar) serta rumusan dari segi akademik bagaimana hasil penganalisaan perancangan strategik dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan melalui inovasi-inovasi yang efektif. Hasil pencapaian akademik ini wajib dibentangkan oleh UCPh dalam mesyuarat (JAN) melalui setiap KPP dan KA pada setiap awal dan akhir semester. Di awal semester KPP dan KA akan menerangkan jumlah sasaran KPI akademik yang perlu dicapai pada semester semasa dan pembentangan hasil sasaran KPI akademik kemudiannya akan dibentangkan di hujung semester untuk tujuan pemberitahuan dan penyusunan langkah penambahbaikan serta tindakan susulan.

UCPh mensasarkan (6) elemen penting (**Lampiran K2 2.6.3**) untuk penambahbaikan pembangunan pelajar. Inisiatif penambahbaikan telah diambil berdasarkan kepada sasaran yang tidak tercapai. Pengukuran kemajuan pencapaian sasaran di peringkat UCPh telah dan wajib dilaksanakan setiap sukuan iaitu setiap 3 bulan setahun. Tindakan penambahbaikan ini diharapkan dapat membantu UCPh untuk mencapai matlamat perancangan strategik yang telah ditetapkan agar pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dilaksanakan dengan baik dan meningkatkan prestasi UCPh secara keseluruhan serta mendukung cita-cita ke arah GRU 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_P01_PB04_PC03_20231_UCPh_Lampiran K2 2.6.1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB04_PC03_20232_UCPh_Lampiran K2 2.6.2.pdf](#)
3. [K0061_P01_PB04_PC03_20233_UCPh_Lampiran K2 2.6.3.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berdasarkan kepada perancangan UCPh khususnya aspek perancangan strategik, penyelarasan perancangan strategik bagi aspek pembangunan pelajar, beberapa langkah penambahbaikan dilaksanakan secara dalaman dengan rekod daftar risiko yang disediakan oleh Penyelaras Daftar Risiko UiTM Pahang. Inovasi yang terhasil dari pelaksanaan atau penambahbaikan perancangan strategik bertujuan memberi perkhidmatan terbaik serta bagi memudahkan proses kerja. Penghasilan inovasi bagi proses penambahbaikan ditunjukkan dalam Jadual 2.5.1 di lampiran UCPh_Lampiran K2 2.5_1. Pembangunan inovasi di UCPh perlu dipertingkatkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Beberapa projek inovasi juga berjaya dibangunkan bagi memastikan sasaran penunjuk prestasi dan penambahbaikan perancangan strategik UCPh dapat dicapai. Penghasilan projek-projek inovasi yang dijalankan oleh pelajar merupakan salah satu proses penambahbaikan yang dibuat bagi memastikan pelajar bukan sahaja cemerlang akademik dan sahsiah tetapi juga mampu menghasilkan produk inovasi dengan mengadaptasi ilmu yang diajar di dalam dan luar kelas. Selain itu, terdapat juga inovasi yang dihasilkan sebagai alat bantu pembangunan akademik dan aktiviti pelajar. Dengan dunia dihujung jari kini, teknologi telah dimanfaatkan semaksimum mungkin untuk memudahkan komunikasi dan pelaksanaan program pengurusan dan pembangunan pelajar yang dirasakan sesuai. Perkongsian dokumen berkaitan pengajaran dan pembelajaran juga dikongsi melalui pautan Google Drive yang disertakan oleh Pensyarah Sumber (Resource Person) melalui LIC. Dokumen-dokumen lainnya berkaitan peperiksaan, teaching portfolio dan course file turut diletakkan di dalam Google Drive yang disediakan KPP. Budaya digitalisasi ini juga diteruskan bagi mesyuarat fakulti, mesyuarat bersama MPP, mesyuarat bersama pelajar. Platform Instagram Live juga diaplikasi bagi program pelajar termasuklah program Heart-To-Heart Podcast. Sebarang aktiviti dan pencapaian pelajar, pensyarah dan fakulti akan turut dikemaskini dan dimuatnaik ke blog fakulti. Usaha ini sangat membantu dalam pengurusan dan pembangunan pelajar dengan membolehkan akses cepat kepada sebarang bentuk maklumat. Inisiatif ini digunakan oleh Fakulti Perakaunan di mana ianya sangat menjimatkan masa dan memudahkan perkongsian maklumat yang konsisten kepada ahli fakulti (pautan: <https://PPPUiTMCPpahang.blogspot.com/2020/05/>). Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) juga telah mewujudkan aplikasi smartphone bagi tujuan sebarang pelaporan sebarang pelaksanaan aktiviti termasuk aktiviti pengurusan dan pembangunan pelajar. dengan adanya aplikasi ini, setiap PTJ lebih mudah memasukkan laporan. Inovasi bagi aplikasi pelaporan bagi aktiviti pelajar ditunjukkan dalam Rajah 2.5.2 di lampiran UCPh_Lampiran K2 2.5_2. Pelbagai inovasi telah berjaya dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari. Hal ini bertepatan dengan aspirasi Pelan Strategik UiTM 2025 yang menggariskan 3 (tiga) teras strategik iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai. Antara inovasi yang telah dilakukan adalah melalui Kempen Cashless Campus, di mana kempen ini menggalakkan para pelajar dan staf untuk membuat pembelian tanpa tunai di dalam kampus. Hasil kerjasama bersama antara Pejabat Bendahari dan Bank Islam Malaysia Berhad, telah berjaya mengumpul pengerai di dalam kampus UiTM Cawangan Pahang untuk terlibat sama dalam kempen Cashless Campus. Selain itu, antara inovasi yang telah dilaksanakan bagi memudahkan urusan pelajar adalah dengan penyediaan Portal Kewangan Pelajar (Student Financial Services) yang boleh diakses melalui login iStudent Portal). Pelajar boleh membuat pembayaran bil-bil termasuk yuran pengajian, mini transkrip, pendaftaran barangan elektrik, saman, denda tatatertib dan lain-lain. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu proses pembangunan dan kecemerlangan dalam pengurusan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_P01_PB05_20231_UCPh_Lampiran K2 2.5_1.pdf](#)
2. [K0061_P01_PB05_20232_UCPh_Lampiran K2 2.5_2.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UCPh sentiasa memastikan kepuasan pelanggan menjadi fokus utama dalam menjayakan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar selaras dengan **Pelan Strategik UiTM2025 dan Amanat Naib Canselor 2021**. Dengan perancangan yang mantap, UCPh berjaya menjadi salah satu institusi pendidikan negara yang menyediakan pendidikan berkualiti setara 6 bintang untuk memenuhi kehendak industri yang menggunakan inisiatif baharu iaitu Education 5.0 dengan mewujudkan Kampus Digital UiTM. Proses PDCA telah berteraskan dengan tiga model pembinaan graduan GRU 2025 iaitu (1) Menyedia acuan PAHANG terhadap Model Graduan berteraskan GRU 2025, (2) Memperluaskan bakat kepimpinan pelajar UCPh ke peringkat Global dan (3) Mensejahterakan masyarakat melalui sumbangan kepimpinan pelajar yang prihatin dan berciri global yang berterusan yang menjadi bidang tumpuan melalui inisiatif strategik.

Proses perancangan telah dimulai dengan mengenalpasti komponen pelanggan utama dan pelanggan proses. Setelah pelanggan utama dan pelanggan proses dikenalpasti, perancangan dilakukan berdasarkan sasaran objektif dalam perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh pengurusan UCPh. Proses pelaksanaan dijalankan dengan mengenalpasti proses penyimpanan data pelanggan dan insentif yang diadakan bagi melibatkan pelanggan utama dan pelanggan proses. Seterusnya, proses pemantauan dilaksanakan secara berkala bagi memastikan tindakan penambahbaikan dapat diambil bagi meningkatkan kepuasan pelanggan. Dalam proses penambahbaikan, risiko yang bakal dihadapi oleh pelanggan turut dikenalpasti dan disusuli dengan tindakan susulan bagi memastikan risiko dapat dielakkan atau diminimakan. Hasil daripada tindakan penambahbaikan juga beberapa inovasi yang diiktiraf sehingga ke peringkat universiti berjaya dihasilkan.

Secara keseluruhannya, kepuasan pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan UCPh merupakan hasil kepimpinan berwibawa dan tadbir urus efisien dan sistematik, infrastruktur dan infostruktur lestari, manifestasi pembelajaran sepanjang hayat melalui perluasan sumber dalam talian serta muafakat perkongsian tanggungjawab semua komponen utama UiTMCPH. **Dokumen Objektif Strategik UiTMCPH 2025 dan Audit Kualiti** telah menjadi penanda aras utama UCPh dalam memastikan bidang tumpuan dapat dijayakan. UCPh berhasrat untuk membina graduan yang tidak hanya berpengetahuan dan beretika, tetapi juga memiliki keupayaan dan kesiapan untuk menerima cabaran dunia kerja dan menjadi pemacu transformasi masyarakat dan negara.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan merupakan individu atau kumpulan yang penting di dalam sesebuah organisasi dalam meningkatkan martabat dan kedudukan organisasi berkenaan dalam pelbagai bidang di peringkat kebangsaan dan juga peringkat antarabangsa. Oleh itu, UCPH amat mengambil berat keperluan dan kepuasan pelanggan bagi memastikan hubungan baik antara pihak pengurusan UCPH dan pelanggan dapat ditingkatkan dan ditambahbaik secara berterusan dalam mencapai Misi dan Visi UCPH. Pelan Strategik UiTM 2025 merupakan antara dasar-dasar yang digunapakai dalam merancang strategik UCPH bagi tahun 2022 manakala Objektif Kualiti UCPH menjadi penanda aras dalam memantau keperluan dan kepuasan hati pelanggan UCPH.

Pendekatan tumpuan pelanggan bermula dengan mengenalpasti senarai kumpulan sasaran bagi bidang pengurusan dan pembangunan pelajar. Terdapat dua kategori kumpulan sasaran iaitu **pelanggan utama yang terdiri daripada pelajar UCPH** dan juga **pelanggan proses yang terdiri daripada staf UCPH, masyarakat, alumni dan industri** seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.2.1 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.2_1)**.

Pelanggan utama dalam bidang tumpuan yang dipilih merupakan pelajar UCPH. **Rajah 3.2.2 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.2_1)** menunjukkan pecahan jumlah pelajar UCPH mengikut beberapa kategori. Setiap perancangan juga telah dibuat berdasarkan kepada pecahan jumlah pelanggan utama yang berdaftar pada semester semasa melalui mesyuarat seperti mesyuarat JKE, MKSP, MPD, Ketua Bahagian, Fakulti, dan Bahagian. Pemerkasaan kecemerlangan pelanggan utama adalah berteraskan program pembangunan dan pengintegrasian bagi membantu kumpulan sasaran mencapai kecemerlangan berdasarkan minat, kemahiran dan potensi.

Pelanggan proses pula merupakan individu atau kumpulan yang terlibat secara tidak langsung dalam peningkatan pengurusan dan pembangunan pelajar. Hubungan baik antara pelanggan utama dan pelanggan proses adalah amat penting bagi meningkatkan kerjasama pintar dalam meningkatkan program yang bertaraf antarabangsa, memperkenalkan UCPH di mata dunia, mendapatkan maklumbalas yang membina daripada pihak luar dan seterusnya membuka peluang kerjaya bagi pelanggan utama setelah tamat pengajian.

Rajah 3.2.3 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.2_1) menunjukkan analisa SWOT yang dilaksanakan oleh UCPH dalam proses perancangan yang melibatkan pelanggan utama dan pelanggan proses. Secara keseluruhannya, UCPH sentiasa mengkaji kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman sebelum melaksanakan perancangan yang melibatkan pelanggan bagi kepuasan hati pelanggan sentiasa dijaga.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_T01_TB02_20231_UCPh_Lampiran K3 3.2_1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Keberkesanan pelaksanaan bidang tumpuan yang efektif memerlukan Tadbir Urus Tangkas supaya maklumat dan data pelanggan ini disimpan dengan sebaiknya bagi tujuan audit dan penambahbaikan. Data-data tersebut juga sangat berguna sebagai rujukan pihak yang berkepentingan dan proses kerja akan menjadi lebih mudah dan sistematik. Secara umumnya, semua data berkaitan pelanggan utama dikemaskini dan disimpan di HEA, HEP, PJI dan Pusat Pengajian UCPH. Manakala maklumat berkaitan pelanggan proses dikemaskini dan disimpan di pusat tanggungjawab seperti HEP, PJI, Pusat Pengajian, Unit dan Bahagian UCPH. Keseluruhan data dan maklumat ini telah disimpan secara sistematik dalam bentuk hardcopy atau softcopy di dalam pangkalan data atau atas talian oleh PTJ yang bertanggungjawab seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.3.1 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.3_1)**.

Selain itu, HEP UCPH juga telah melaksanakan pelbagai kaedah pengumpulan data pelanggan utama seperti pengumpulan data dari pendaftaran pelajar kolej kediaman, pendaftaran kokurikulum, data pencarian bakat atlet oleh unit sukan, dan pelbagai maklumbalas dan kaedah penyimpanan data samada secara fizikal atau secara maya seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.3.1 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.3_1)**. Manakala, HEA UCPH sentiasa memastikan perkhidmatan di kaunter bersedia secara berterusan bagi mengumpulkan data dengan memastikan semua staf bertugas secara bergilir-gilir mengikut jadual bertugas yang telah ditetapkan dan memberi penekanan i-DART kepada semua staf agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasaran.

Sebagai tambahan, bermula pada tahun 2020, semua aktiviti dan program yang diadakan bagi mencapai pelan strategik 2025 dikumpulkan oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) bagi pelaporan kepada UiTM Shah Alam. Proses ini juga memudahkan pengurusan tertinggi UCPH memantau pelaksanaan semua aktiviti dan program yang dijalankan oleh setiap PTJ UCPH serta pencapaian i-UiTM (UiTM2025) bagi UCPH dimaklumkan di dalam email seperti yang ditunjukkan dalam **Gambar 3.3.1 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.3_1)**.

Penglibatan kumpulan sasaran adalah amat penting bagi memastikan sasaran indeks prestasi UCPH secara keseluruhan tercapai. Oleh itu, UCPH telah menganjurkan pelbagai bentuk program di peringkat fakulti, UiTM, kebangsaan dan antarabangsa yang memfokuskan kepada pembangunan pelajar berteraskan bakat dan nilai serta kepimpinan pelajar berkelas global. Antara program yang meningkatkan bakat dan nilai pelajar adalah melalui program kesukanan, khidmat, inovasi dan keusahawanan manakala seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.3.2 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.3_2)**

UCPH juga memastikan penyebaran maklumat yang berkesan dilakukan bagi memastikan kumpulan sasaran tidak ketinggalan untuk melibatkan diri dalam program yang diadakan melalui komunikasi rasmi dan tidak rasmi. Komunikasi rasmi adalah melalui email, laman web utama UCPH, Amanat Tahun Baru Rektor UCPH 2022, Mesyuarat Majlis Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Mesyuarat Akademik dan Mesyuarat Bahagian/Fakulti yang diadakan secara berkala bagi bertujuan memantau pelaksanaan proses kerja setiap PTJ agar sentiasa memenuhi keperluan pelanggan. Mesyuarat Pengurusan Dalaman juga turut melibatkan wakil MPP agar input keperluan pelajar dapat didengar secara terus dari perwakilan yang mereka pilih untuk membawa suara dan tuntutan mereka kepada pihak pengurusan seperti yang ditunjukkan dalam **Gambar 3.3.2 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.3_3)**. UCPH juga sentiasa komited menyebarkan maklumat melalui platform tidak rasmi seperti aplikasi WhatApps, facebook (FB) UCPH, FB Perpustakaan Al-Bukhari UiTMCPH dan lain-lain **Gambar 3.3.3 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.3_3)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_T01_TB03_20231_UCPh_Lampiran K3 3.3_1.pdf](#)

2. [K0061_T01_TB03_20232_UCPh_Lampiran K3 3.3_2.pdf](#)
3. [K0061_T01_TB03_20233_UCPh_Lampiran K3 3.3_3.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UCPh telah mengambil langkah yang proaktif dan holistik dalam membangunkan pelajar melalui pelaksanaan program yang disusun berdasarkan Model Graduan UiTM (GRU) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual di Lampiran K2 2.4.1**. Pelajar yang aktif dalam proses pembangunan diri ini bukan sahaja memperoleh pengetahuan dalam bidang kursus yang dipelajari, malahan memperkaya pengalaman melalui pelbagai aktiviti ko-kurikulum, penanaman nilai-nilai kepimpinan, serta peluang untuk menjalin jaringan sosial dan profesional. Pengurusan kanan UCPh sentiasa memastikan kepuasan pelanggan terpelihara dengan memastikan pelaksanaan yang sistematik dalam pengurusan dan pembangunan pelajar.

UCPh telah bertindak secara progresif dalam memastikan pelajar mencapai kecemerlangan dalam akademik dan sukan melalui program dan inisiatif yang telah disusun dengan teliti. Dalam konteks akademik, pelajar yang berprestasi cemerlang diiktiraf melalui **pelbagai penghargaan** seperti penyenaian dalam Senarai Anugerah Dekan dalam Majlis Anugerah Apresiasi yang diadakan setiap semester. Di samping itu, pencapaian akademik yang tinggi membuka ruang dalam pelbagai peluang seperti **pemberian biasiswa seperti biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** untuk pengajian seterusnya, dan peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi seperti dalam **Rajah 3.4.1.1**. Pada tahun 2022, 98% pelajar berjaya *Graduate on Time (GOT)*. Data-data ini digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan dan pembangunan pelajar seperti **Rajah 3.4.1.2 (Rujuk UCPh_Lampiran K3 3.4.1_1)**.

Sementara itu, UCPh memperkasa pembangunan pelajar dengan memberikan peluang kepada mereka untuk memperbaiki kemahiran sendiri melalui pelbagai program. Kemahiran itu dapat diperolehi daripada penyertaan di dalam bengkel dan latihan yang diluluskan oleh panel pengurusan sumber manusia seperti Program Asnafpreneur, Sukan Karisma Virtual Edition, dan Program SULAM seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.4.1.3 (Rujuk UCPh_Lampiran K3 3.4.1_1)**. Inisiatif-inisiatif ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan teliti oleh panel pengurusan sumber manusia universiti bagi memupuk bakat dan kemahiran insaniah (*soft skill*) para pelajar. Kem Sri Gading yang terletak di dalam kawasan kampus telah menjadi titik permulaan mengasah kemahiran insaniah seperti bakat kepimpinan serta menerapkan Sustainable Development Goals (SDG) dalam program yang diadakan seperti Back To Nature. Dalam pada itu, proses pengurusan dan pembangunan pelajar yang cemerlang di UCPh juga membawa manfaat dan ganjaran kepada para pelanggan serta pemegangtaruh. Ganjaran tersebut adalah seperti di dalam **Jadual 3.4.1.1 dan Jadual 3.4.1.2 (Rujuk UCPh_Lampiran K3 3.4.1_2)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_T01_TB04_TC01_20231_UCPh_Lampiran K3 3.4.1_1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB04_TC01_20232_UCPh_Lampiran K3 3.4.1_2.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko boleh didefinisikan sebagai sesuatu peristiwa atau tindakan yang boleh menyebabkan kesan negatif kepada keupayaan sesebuah organisasi dalam mencapai sesuatu objektif. Di peringkat UCPH, risiko ini diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JOBN) dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN). Risiko daripada setiap PTJ telah didaftarkan di dalam sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) yang dipantau oleh JPR seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4.2.1 (**Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.4.2_1**).

UCPh telah mengenalpasti beberapa risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang telah ditetapkan. Salah satu risiko yang telah dikenalpasti adalah dari segi program akademik yang terpaksa ditangguhkan di UCPH. Punca bagi risiko ini adalah disebabkan oleh perancangan UiTM Induk, di mana kampus Pengurus Utama lebih diutamakan. Perkara ini menyebabkan kemajuan akademik dan prestasi pelajar terjejas disebabkan kekurangan dana bagi menampung kos pembangunan pelajar. Antara risiko yang dihadapi oleh pelajar adalah **capaian akses internet terhadap kepada teknologi dan sumber**, UCPH perlu memastikan bahawa semua pelajar mempunyai akses kepada teknologi dan sumber yang mereka perlukan perkembangan pembelajaran pelajar. Ini boleh merangkumi menyediakan peralatan dan perisian teknologi, serta memastikan akses kepada sumber belajar dalam talian. Risiko dan perancangan mengatasi risiko tersebut telah dilaksanakan seperti dalam **Jadual 3.4.2.1 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.4.2_2)**.

Untuk menangani risiko kualiti pendidikan, UCPH perlu **memastikan bahawa kurikulum dan pengajaran yang disediakan memenuhi piawaian tertinggi**. Ini boleh dicapai melalui program latihan, pemantauan dan penilaian kualiti pengajaran, dan inisiatif untuk menyokong inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Risiko kekurangan peluang untuk pembangunan peribadi dan profesional dapat diatasi dengan **menyediakan lebih banyak program dan aktiviti yang membantu pelajar membangunkan kemahiran dan pengalaman** yang diperlukan untuk berjaya dalam pasaran kerja seperti Program CEO's Talk dan Asnafpreneur seperti dalam **Rajah 3.4.1.3. (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.4.1_1)**. Program ini merangkumi program kepimpinan, latihan kerjaya, dan peluang untuk belajar sepanjang hayat.

Berdasarkan penerangan di atas, boleh disimpulkan bahawa UCPH memberi perhatian pada risiko-risiko yang ada dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Setiap risiko diteliti dan dibincangkan bagi mencari langkah pencegahan atau langkah untuk mengatasi setiap risiko tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_T01_TB04_TC02_20231_UCPh_Lampiran K3 3.4.2_1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB04_TC02_20232_UCPh_Lampiran K3 3.4.2_2.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UCPh sangat proaktif dalam mengambil tindakan berhubung masalah dan aduan pelajar yang bertindak sebagai nadi dan pemangkin pergerakan UCPh. Dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan, hubungan antara dua hala merupakan kunci utama dan UCPh sentiasa peka terhadap kehendak pelajar dalam memperbaiki sebarang proses kerja dan urusan supaya lebih sistematik dan mesra pengguna. Beberapa kaedah yang efektif telah digunakan bagi mengukur tahap kepuasan pelajar. Hasil maklumbalas ini akan diambil tindakan penambahbaikan untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan bersesuaian dengan Visi dan Misi UCPh.

Antara mekanisme yang digunakan bagi mengukur tahap kepuasan para pelanggan adalah melalui **sistem e-aduan** seperti dalam **Rajah 3.4.3.1 (rujuk UCPh_Lampiran K3 3.4.3_1)** di mana ianya adalah platform untuk menyalurkan maklumat jika ada sebarang ketidakpuasan. Kehendak dan keperluan pengguna akan dikaji selidik dan tindakan susulan akan diambil oleh pihak yang bertanggungjawab dengan kadar segera antara tempoh seminggu sahaja. Antara aduan yang berkaitan adalah aduan am, aduan berkaitan fasiliti dan ICT.

Bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, pihak UCPh akan melakukan **mesyuarat** secara berkala sama ada di peringkat fakulti mahupun universiti agar maklumat yang diterima dari sumber maklumbalas dianalisa seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.4.3.2 (rujuk UCPh_Lampiran K3 3.4.3_1)**. Hasil dapatan akan disusuli dengan tindakan daripada pihak yang berkenaan (**rujuk UCPh_Lampiran K1 1.4.2**).

Rentetan itu, pelaksanaan **audit di peringkat dalaman dan luaran** juga cerminan bahawa UCPh mengambil serius dalam mengkaji semula dan membuat tindakan pembetulan terhadap setiap dapatan negatif seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.4.3.3 (Rujuk UCPh_Lampiran K3 3.4.3_1)**. Antara audit yang dijalankan adalah Audit Dalam, Audit Luar, Audit InQKA dan Audit Kewangan.

Tambahan pula, **program** bersemuka bersama pelajar diadakan seperti Program Perbincangan dua Hala antara Dewan Eksekutif Mahasiswa (DEM) bersama Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar. Program yang dikenali sebagai Town Hall HEP dimana pelajar dapat menyalurkan masalah secara langsung kepada pihak universiti seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.4.3.4 (Rujuk UCPh_Lampiran K3 3.4.3_1)**. Hasil dapatan dibawa ke dalam Mesyuarat Townhall untuk tindakan susulan. Mekanisme lain juga digunapakai bagi pengurusan universiti bertindak balas kepada maklum balas dan aduan pelanggan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.4.3.1 (Rujuk UCPh_Lampiran K3 3.4.3_2)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_T01_TB04_TC03_20231_UCPh_Lampiran K3 3.4.3_1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB04_TC03_20232_UCPh_Lampiran K3 3.4.3_2.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi mencapai objektif pembangunan pelajar di UCPH, beberapa program telah dirancang dan dilaksanakan dalam memiliki tenaga kerja yang proaktif dan berkualiti. Setelah proses mengkaji semula maklumbalas dilakukan, pihak universiti telah mengambil tindakan-tindakan reaktif dan pro-aktif terhadap maklumbalas pelanggan serta dapatan daripada hasil kajian atau soalselidik yang telah dijalankan. Berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025) atau teras GRU 2025 (Kecemerlangan Global), antara strategi yang disasarkan adalah berkaitan pembangunan pelajar berteraskan bakat dan nilai serta teras kepimpinan pelajar berkelas global.

Teras Pendidikan Berkualiti dalam GRU 2025 (**Model Graduan berteraskan GRU 2025**) telah dizahirkan melalui penganjuran **Global Lecturer Series** dengan kerjasama Universitas Muhammadiyah Purworejo, Jawa Tengah, Indonesia (UMPWR) secara atas talian seperti dalam **Rajah 3.5.1 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.5_1)**. Objektif utama adalah memberi pendedahan tentang komunikasi di tempat kerja kepada mahasiswa/mahasiswi UCPH dan UMPWR. Pemikiran ini adalah asas untuk mewujudkan platform yang kondusif untuk perkongsian strategik dan komprehensif antara pelajar. Program ini memenuhi keperluan yang diperlukan untuk aktiviti KPI di bawah MoU di mana topik "Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Tempat Kerja" dipilih bersempena dengan kesejagatannya sesuai untuk dikongsi di kalangan khalayak sasaran.

Tambahan pula, UCPH memenuhi kriteria tema Graduan Holistik bercirikan **Keusahawanan (Entrepreneurial and Well-Balanced Graduates)** di mana penganjuran Program FOA Market Place yang terdiri daripada penggerai (pelajar, persatuan pelajar dan staf) telah dilaksanakan seperti dalam **Rajah 3.5.2 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.5_1)**. Program yang dianjurkan bergerak sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera yang berjaya, selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bertujuan untuk menggalak dan memantapkan pembangunan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. Seterusnya, ini dilihat mampu membantu dalam menjayakan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara usahawan yang unggul menjelang tahun 2030. Nilai ESI (Excellence, Synergy, Integrity), khususnya 'Synergy' serta nilai iDART berjaya diterapkan dalam diri warga UCPH melalui program ini.

Tema strategik iaitu **Kecemerlangan Bakat (Talent Excellence)** dapat dipenuhi oleh UCPH dimana dua pemanah UiTM telah dianugerahkan sebagai Calon Olahragawan dan Olahragawan Harapan Negeri Pahang di Anugerah Negeri Pahang dimana mereka telah memenangi beberapa kejohanan peringkat kebangsaan terutamanya di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA). Di samping itu, pelajar UCPH juga telah berjaya merangkul pingat emas recurve lelaki dalam temasya SUKMA 2022 seperti dalam **Rajah 3.5.3 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.5_1)**. Terdapat beberapa inovasi lain yang turut memberikan impak di peringkat global dan global juga berjaya dihasilkan dengan merujuk kepada **Jadual 3.5.1 (Rujuk UCPH_Lampiran K3 3.5_2 serta UCPH_Lampiran K2 2.5_2)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_T01_TB05_20231_UCPh_Lampiran K3 3.5_1.pdf](#)
2. [K0061_T01_TB05_20232_UCPh_Lampiran K3 3.5_2.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan pengukuran pencapaian UCPH dibuat berpandukan Perancangan Strategik RMKe 12 dan BHEP UCPH bagi memastikan data yang tepat dipilih, dikumpul, disejajar dan diintegrasikan dengan proses pembuatan keputusan dalam meningkatkan prestasi kampus khususnya dalam Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Tumpuan utama ukuran yang berpandukan Pelan Strategik UiTM2025 digunakan bagi menilai pencapaian bidang tumpuan. Dalam mencapai sasaran PI, perancangan pengagihan PI kepada setiap jabatan atau PTJ dibuat melalui mesyuarat perancangan strategik UCPH. Setiap ketua PTJ berkongsi maklumat PI yang diperolehi kepada ahli jabatan dan membuat perancangan agihan PI kepada jawatankuasa atau biro di dalam jabatan melalui bengkel perancangan strategik bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Pihak pengurusan kanan UCPH pula merancang pengagihan bengkel perancangan strategik melibatkan semua ketua PTJ bagi membincangkan strategi untuk mencapai sasaran PI. Dalam memastikan PI dicapai dari semasa ke semasa, pihak pengurusan kanan UCPH membuat perancangan pembentangan pencapaian prestasi secara berkala. Setiap PTJ membentangkan pencapaian PI bagi melihat perbandingan di antara data sasaran dan pencapaian sebenar. Setelah perbandingan dan penilaian data dijalankan, tindakan penambahbaikan prestasi beserta elemen inovasi dicadangkan bagi mencapai sasaran PI.

Pelaksanaan penilaian pencapaian pelajar UCPH adalah menggunakan data-data yang dikumpul dan dianalisa mengikut tempoh yang tertentu. Data-data dibentangkan dalam mesyuarat JKEN, MPD dan mesyuarat jabatan. Perbandingan pencapaian dalaman antara fakulti dan jabatan dijalankan bagi menentukan kedudukan pencapaian manakala analisis tren pencapaian bagi ukuran utama dilakukan bagi menentukan corak peningkatan dalam mengenalpasti ketidakcapaian matlamat. UCPH telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam pengurusan dan pembangunan pelajar bagi memastikan pencapaian yang cemerlang. UCPH juga telah mengadakan beberapa kolaborasi antarabangsa bagi memastikan wujudnya perkongsian pengetahuan dan mencapai PI yang ditetapkan hasil daripada penglibatan pelajar daripada keseluruhan fakulti di UCPH. Hasil kolaborasi antarabangsa ini meningkatkan pencapaian UCPH dalam pelbagai aspek pembangunan pelajar berteraskan bakat dan nilai serta kepimpinan pelajar berkelas global, seterusnya memberi manfaat kepada warga UCPH dan masyarakat sekitar, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

UCPh telah menggunakan pelbagai mekanisme dalaman dan luaran untuk tujuan pemantauan semasa melaksanakan strategi yang telah dirancang supaya dapat membuat kajian semula sekiranya sasaran tidak dapat dicapai. Proses PDCA akan dijalankan jika semakan pencapaian prestasi tidak tercapai. Jika tercapai, maka perkara tersebut akan dijadikan sebagai Amalan Terbaik untuk dikongsi bersama warga UCPH. Pelbagai mekanisme digunakan sebagai medan perkongsian amalan terbaik. Antara mekanisme dalaman yang digunakan adalah mesyuarat dan lantikan biro. Manakala mekanisme luaran adalah maklum balas pelanggan. Aplikasi juga turut digunakan sebagai mekanisme pemantauan di UCPH.

Proses penambahbaikan di UCPH dimulai dengan pengurusan risiko. Punca risiko dikenalpasti supaya memudahkan urusan pencegahan risiko. Bagi pencapaian yang tidak berjaya dicapai, kajian semula dilakukan melalui aktiviti seperti mesyuarat. Penambahbaikan yang dilakukan dikongsi melalui saluran konvensional dan atas talian supaya memberi manfaat kepada pembangunan pelajar dan UCPH. Inovasi yang terhasil daripada penambahbaikan diperluaskan sehingga ke peringkat antarabangsa untuk kepentingan bersama warga UCPH.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UCPh sentiasa mendukung aspirasi UiTM menuju universiti terkemuka dunia. Sejalan dengan itu, data-data bagi setiap item ukuran yang menjadi input penting kepada pihak pengurusan UCPh dinilai dan dipantau secara berterusan dalam mengukur pencapaian **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**. Petunjuk Prestasi (PI) menjadi teras kepada penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), selari dengan **Perancangan Strategik RMKe12 dan BHEP UCPh** bagi memastikan petunjuk prestasi dicapai melalui **perkhidmatan dan kemudahan pelajar yang berkualiti, pembangunan pelajar berteraskan bakat dan nilai, serta kepimpinan pelajar berkelas global**. Pengurusan pengetahuan berasaskan teknologi diaplikasikan dalam aspek pengukuran, penganalisisan dan penyemakan data bagi tujuan penambahbaikan prestasi, pencetusan inovasi dan perkongsian pengetahuan. Rajah 4.2.1 di *lampiran UCPh_lampiran K.4.2_1* menunjukkan tumpuan utama ukuran yang berkaitan dengan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar di UCPh.

Setiap perancangan penganjuran program dan aktiviti pelajar adalah berpandukan kepada Pelan Strategik UiTM2025 yang bertunjangkan tiga teras utama iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai. Unikinya, UiTMCPH turut menggabungkan nilai **P.A.H.A.N.G** dengan nilai-nilai **ESI dan i-DART** dalam menjayakan agenda Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Seterusnya, dalam memastikan pencapaian sasaran tahunan yang ditetapkan, PSTU membuat perancangan pengagihan PI berkaitan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar kepada setiap jabatan atau PTJ melalui mesyuarat perancangan strategik UCPh. PI bidang tumpuan yang dimiliki oleh BHEA dan BHEP merangkumi aspek akademik dan bukan akademik yang diperturunkan kepada fakulti/pusat pengajian/unit menjadi suatu kerjasama strategik dalam pencapaian PI bidang tumpuan. Sebagai contoh, sejumlah 52 PI diagihkan kepada FPP yang mana 10 daripada PI tersebut adalah berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam program mobiliti antarabangsa, aktiviti *inbound* dan *outbound* pelajar merangkumi projek khidmat masyarakat, pertandingan dan webinar sepertimana di *lampiran UCPh_Lampiran K4 4.2_2*. Setiap ketua PTJ berkongsi maklumat PI yang diperolehi kepada ahli jabatan dan membuat perancangan agihan PI kepada biro atau jawatankuasa di dalam jabatan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Contohnya FPP telah mengadakan bengkel perancangan strategik iaitu program *Enrichment & Excellent (E&E)*. Bagi memastikan PI tercapai, program E&E menjadi platform kepada pengurusan fakulti untuk menyalurkan maklumat perancangan strategik fakulti dan agihan PI dibuat berdasarkan objektif dan fungsi penubuhan setiap biro (*Lampiran UCPh_Lampiran K4 4.2_3*).

Seterusnya, pihak pengurusan kanan UCPh merancang penganjuran bengkel perancangan strategik melibatkan semua ketua PTJ bagi membincangkan strategi mencapai sasaran PI. Dalam memastikan PI dicapai dari semasa ke semasa, pihak pengurusan kanan UCPh membuat perancangan pembentangan pencapaian prestasi secara berkala. Perancangan turut dijalankan dengan membandingkan data bagi pencapaian yang telah dicapai dan belum dicapai sepertimana yang boleh dilihat di *lampiran UCPh_Lampiran K4 4.2_4*. Seterusnya, setiap PTJ membentangkan pencapaian PI bagi melihat perbandingan di antara data sasaran dan pencapaian sebenar. Setelah perbandingan dan penilaian data dijalankan, tindakan penambahbaikan prestasi beserta elemen inovasi dicadangkan untuk mencapai sasaran PI. Sebagai contoh, melalui program E&E, Biro Inovasi FPP membentangkan cadangan penganjuran pertandingan inovasi dan rekacipta di kalangan pelajar IPT bagi mencapai PI037 iaitu penglibatan pelajar dalam aktiviti rekacipta dan inovasi. Impaknya, penganjuran program tersebut dapat menggalakkan pembudayaan penghasilan inovasi dan perkongsian pengetahuan di kalangan warga UCPh khususnya dan perkongsian idea serta produk inovasi dengan masyarakat umum amnya

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_A01_AB02_20231_UCPh_Lampiran K4 4.2_1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB02_20232_UCPh_Lampiran K4 4.2_2.pdf](#)

3. [K0061_A01_AB02_20233_UCPh_Lampiran K4 4.2_3.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pencapaian pelajar UCPh dinilai menggunakan data-data yang dikumpul dan dianalisa mengikut tempoh masa tertentu. Data ini terdiri daripada dua aspek pembangunan pelajar yang utama iaitu akademik dan bukan akademik. Data-data yang diperolehi ini dianalisa oleh setiap PTJ dan PSTU seterusnya dibentangkan dalam mesyuarat JAN, JKEN, MPD, Pembentangan Prestasi Sukuan dan mesyuarat peringkat pusat pengajian. Keberkesanan penggunaan data pula dinilai melalui kaedah analisis perbandingan dan analisis tren.

Jadual 4.1 di lampiran UCPh_Lampiran K4 4.3_1 menunjukkan item ukuran, data dan kekerapan pengukuran yang berkaitan dengan pembangunan pelajar UCPh mengikut beberapa tumpuan utama. Setiap item ukuran diukur menggunakan data-data yang bersesuaian dan dibuat berpandukan bidang tumpuan yang disasarkan. Item ukuran dan data memberi input penting kepada pihak pengurusan HEP dalam membuat penilaian dan pemantauan terhadap pencapaian pembangunan pelajar.

UCPh telah menjalankan pelbagai aktiviti yang melibatkan keseluruhan UiTM dalam usaha untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan para pelajar. Antara program yang dianjurkan adalah program *Mental Health Awareness: Emotionally Unstable - How Can You Help* oleh Unit Kesihatan UCPh yang dijalankan pada 13 April 2022 (UCPh_Lampiran K4 4.3_2). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar berkaitan masalah kesihatan mental yang berpunca dari ketidakstabilan emosi. Penglibatan peserta seramai 122 orang dan terdiri daripada pelajar seluruh UiTM. Program ini mendapat maklumbalas dan sambutan yang sangat menggalakkan terutamanya dalam meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta berkaitan kesihatan mental.

Terdapat juga data-data yang diperolehi secara elektronik sama ada melalui sistem di bawah kawalan HEP atau di luar kawalan HEP. Kebanyakan data diukur dan dianalisa sama ada setiap semester, setiap tahun atau selepas sesuatu aktiviti dijalankan seperti yang ditunjukkan di Jadual 4.2 di lampiran UCPh_Lampiran K4 4.3_3.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_A01_AB03_20231_UCPh_Lampiran K4 4.3_1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB03_20232_UCPh_Lampiran K4 4.3_2.pdf](#)
3. [K0061_A01_AB03_20233_UCPh_Lampiran K4 4.3_3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UCPh mengenalpasti pencapaian prestasi dengan memastikan petunjuk prestasi sebagai item pengukuran yang digunakan meliputi keseluruhan aspek akademik dan bukan akademik. bagi meningkatkan pengurusan dan pembangunan pelajar. Pelbagai mekanisme telah digunakan sebagai alat pemantauan pencapaian prestasi. Pemantauan dibuat secara berkala atau berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan. Pemantauan dilakukan di peringkat peringkat tertinggi UCPh, fakulti/jabatan dan pelajar. Contohnya sebelum menjalankan sesuatu program, pemantauan akan dilakukan oleh Jawatankuasa di BHEP melalui mesyuarat bahagian yang dijalankan setiap bulan untuk meluluskan projek mengikut keperluan pencapaian yang ditetapkan kesesuaian bajet. Semasa program berlangsung, AJK program yang dilantik oleh persatuan pelajar membuat pemantauan dari segi keselamatan, dan kelancaran program bersama penasihat persatuan/program. Perkongsian maklumat berkenaan program dibuat melalui saluran atas talian seperti facebook, website dan saluran lain seperti kain rentang dan hebahan media massa. Selepas program dilaksanakan, AJK program menyediakan **laporan post mortem** (UCPh_Lampiran K4 4.4_1) untuk membincangkan pencapaian objektif program. Pencapaian yang tidak mencapai sasaran, akan dibuat kajian semula dan perancangan penambahbaikan turut dilakukan. Cadangan penambahbaikan turut mengambilkira maklumat daripada borang penilaian program yang diedarkan semasa program. Seterusnya laporan program akan dihantar ke BHEP. Kejayaan pelaksanaan dan impak program juga turut dikongsi dengan warga UCPh melalui UiTM Hub atau mesyuarat Fakulti/jabatan. Rajah 4.5 (UCPh_Lampiran K4 4.4_2) menunjukkan kitaran lengkap sistem pengukuran pencapaian dalam penambahbaikan berterusan dan pengurusan pengetahuan bermula dari penetapan petunjuk prestasi sehingga analisa faktor penyumbang pencapaian. Hasil data yang dianalisa digunakan untuk penambahbaikan dalam pembangunan pelajar melalui **pemantauan, perkongsian maklumat dan kajian semula**. Penggunaan hasil data ditunjukkan dengan terperinci melalui analisa 5W1H di Jadual 4.5. (UCPh_Lampiran K4 4.4_3). Pelbagai mekanisme pemantauan di bidang akademik (Sistem PT_ATT dan lantikan penasihat akademik) dan bukan akademik (lantikan biro/ajk, kelulusan kertas kerja, mesyuarat kelab dan persatuan) turut digunakan untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik mencapai objektif yang telah ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_A01_AB04_AC01_20231_Template bukti KRITERIA 4.4.1AKNC2023.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti melalui risiko yang didaftarkan oleh PTJ fakulti atau jabatan melalui sistem e-RMS untuk tujuan pengumpulan maklumat. PTJ fakulti memperolehi maklumat risiko berdasarkan laporan program yang dihantar biro atau AJK setelah tamat program. Risiko diklasifikasikan berdasarkan lima kategori iaitu operasi, strategik, reputasi, kewangan dan perundangan. Risiko dan punca risiko yang dikenalpasti akan didaftarkan setiap tahun bersama dengan rancangan pelan mengurangi, mengatasi dan pencegahan. (UCPh_Lampiran K4 4.4_4; Contoh Daftar Risiko BHEP). Penyelaras pengurusan risiko UCPh yang dilantik berfungsi untuk memantau risiko yang telah didaftarkan seterusnya dibincangkan di peringkat UCPh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (MJPR) sekali setahun. Di dalam MJPR, risiko diukur dan dianalisa secara kuantitatif dan kualitatif melalui analisis statistik dan penilaian impak untuk merancang strategi pengurangan risiko. Contohnya, Berdasarkan keputusan MJPR, BHEP UCPh melaksanakan protokol keselamatan, pematuhan SOP dan kawalan kewangan untuk mengurangkan risiko semasa pelaksanaan program pelajar seperti Program Bantuan Banjir. Sekiranya risiko tidak dapat di atasi di peringkat UCPh, ia akan dibawa ke pengurusan risiko induk di Shah Alam (Rujuk proses pengurusan risiko UiTM di Rajah 4.6; UCPh_Lampiran K4 4.4_5) untuk diambil tindakan penyelesaian.

Hasil pengurusan risiko di atas, UCPh telah menubuhkan Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN) yang bertindak untuk mengambil langkah mengatasi dan mengurangkan impak risiko melibatkan bencana yang dihadapi pelajar dan staff. Satu inovasi turut terhasil dalam usaha mengurangkan impak risiko bencana iaitu Flood Traker yang dibangunkan oleh BHEP UCPh. Perancangan yang kreatif dan inovatif turut dibuat bagi mengatasi serta mencegah risiko. Oleh itu, terhasillah inovasi seperti program conceive-design-implement-operate (CDIO), SIMPLE dan sistem e-logbook latihan industry. Inovasi ini dibangunkan untuk mencegah risiko berkaitan operasi UCPh iaitu berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

Risiko pengurusan pengetahuan melibatkan risiko data dan maklumat yang disimpan. Contohnya untuk menganjurkan sesuatu program, jawatankuasa yang dilantik membuat perancangan awal dengan membuat kertas cadangan untuk menentukan objektif dengan mengambilkira risiko yang bakal berlaku sebelum, semasa serta selepas program. Jadual 4.6 (UCPh_Lampiran K4 4.4_6) merupakan contoh risiko data yang disimpan serta perkongsian pengetahuan yang dikenalpasti punca, risiko, kaedah pengawalan dan tindakan pencegahan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_A01_AB04_AC02_20231_Template bukti KRITERIA 4.4.2 AKNC2023.pdf](#)

4.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Prestasi pencapaian pelajar dikenalpasti melalui analisis jurang. Hasil daripada analisis akan melalui proses *PDCA* untuk mengenalpasti dan menganalisa halangan kepada pencapaian. Seterusnya, tindakan terhadap halangan diambil melalui penambahbaikan dan penghasilan inovasi. Penambahbaikan yang memberi impak dikongsi di seluruh jabatan UCPH dan Cawangan UiTM lain juga kepada universiti antarabangsa. Perkongsian dengan warga jabatan contohnya boleh dilihat apabila koordinator Pra Pengajian Tinggi (PPT) mengalami masalah pelajar gagal di dalam kursus ELC 030 yang agak tinggi setiap semester. Setelah di analisa faktor kegagalan, pelajar didapati kurang mendapat perhatian pensyarah dan malas berusaha kerana tidak sedar mereka akan gagal di dalam peperiksaan. Pensyarah mengambil inisiatif untuk membangunkan *Performance Tracker-Academic Assistant Tool (PT-AAT)* yang dapat memantau markah penilaian pelajar semasa semester berlangsung. Dengan adanya sistem ini, pelajar sentiasa di pantau oleh pensyarah dan Penasihat Akademik supaya mereka peka dengan pencapaian dan meningkatkan usaha untuk mencapai prestasi yang baik. Hasil yang paling ketara adalah penurunan pelajar kursus ELC 030 yang mempunyai pencapaian *very poor* (kemungkinan gagal) 40.6% telah menurun kepada 8.90% sahaja semasa keputusan akhir. Sistem ini telah dikongsi dengan seluruh jabatan FPP semasa mesyuarat fakulti (UCPh_Lampiran K4 4.4_7) dan dipertandingkan ke pertandingan inovasi sehingga berjaya memperoleh pingat emas di *International Invention & Innovation Competition 2022*. PT- AAT ini juga dapat menambah baik hubungan penasihat akademik dengan pelajar semasa pemantauan prestasi dibuat melalui perjumpaan bersemuka atau secara atas talian. Pencapaian prestasi fakulti dikongsi bersama pelajar dan staff untuk memberikan gambaran menyeluruh pencapaian supaya sasaran yang tidak dicapai boleh ditambahbaik. Contohnya PPIM (sebelum ini dikenali sebagai FSKM) yang berkongsi hasil analisa dengan warga jabatan setiap semester menerusi pembentangan pencapaian seperti yang ditunjukkan di UCPH_Lampiran K4 4.4_8. Manakala program inbound outbound pelajar telah membolehkan pelajar saling berkongsi maklumat dan pencapaian dengan Universiti di United Kingdom. Saluran untuk berkongsi hasil analisa dibuat secara konvensional dan atas talian seperti ditunjukkan di dalam Jadual 4.7. (UCPh_Lampiran K4 4.4_9)

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_A01_AB04_AC03_20231_Template bukti KRITERIA 4.4.3 AKNC2023.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil analisa data yang dikaji semula dan dibuat penambahbaikan telah menjurus kepada penciptaan inovasi yang memberi nilai tambah dan peningkatan pencapaian khususnya untuk pembangunan pelajar. Prestasi sebelum dan selepas penambahbaikan ditunjukkan didalam Jadual 4.8 (UCPh_Lampiran K4 4.4_10). Dalam usaha untuk menjadi *globally competent university*, pencapaian pelajar adalah satu komponen penting yang dititikberatkan. Oleh itu, UCPH telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk melahirkan pelajar yang seimbang rohani dan jasmani selain menfokuskan kepada pencapaian akademik. Antara aspek yang dititik beratkan adalah memantapkan kepimpinan, penyertaan dan minat di dalam sukan, kebudayaan, mobiliti pelajar dan jaringan global, kesukarelawan dan kemanusiaan serta keusahawanan. Melalui pertandingan inovasi, bakat pelajar dalam penciptaan dan memimpin kumpulan dapat dicungkil termasuk bakat pelajar OKU yang memperoleh pingat emas. Amalan dan pembudayaan pembelajaran yang berasaskan inovasi di kalangan pelajar telah membuahkan hasil dengan kejayaan memperoleh pingat emas di peringkat antarabangsa (Rujuk Jadual 4.9; UCPH_Lampiran K4.4_11). Pelajar juga diterapkan nilai kesukarelawan dengan menubuhkan persatuan pelajar seperti OMSA, CESS, Business Student Society untuk menggalakkan penglibatan mereka dalam Misi Bantuan Banjir dan Program Bersama Masyarakat sekitar Jengka seperti Tunas Score Squad (TSS). TSS juga merupakan program perkongsian ilmu yang melibatkan pelajar bersama komuniti Rumah Tunas Harapan.

Perkongsian amalan terbaik dijadikan pembudayaan di UCPH seperti yang ditunjukkan di Jadual 4.9 (UCPh_Lampiran K4.4_12) untuk memastikan ia dimanfaatkan bersama komuniti, masyarakat setempat, industri dan rakan strategik **di peringkat dalam negara dan antarabangsa**. Contohnya program **East Meet West: Knowledge, Research & In-Demand Tech Job Trends With The Leeds Trinity University** memberi ruang kepada pelajar berkomunikasi, bertukar idea dan ilmu dari negara yang berbeza. Program ini juga memberi ruang diskusi antara pelajar universiti terlibat berkenaan dengan peluang kebolehpayaan pekerjaan di dalam bidang sains komputer di Malaysia dan United Kingdom (UCPh_Lampiran K4.4_13). Semasa program, amalan terbaik UCPH turut dikongsi pelajar iaitu *Student Confirmation Letter System*; StALIC yang mengaplikasikan sistem *cloud*. Program ini menjadi platform untuk perkongsian amalan terbaik yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa.

Dengan adanya perkongsian ilmu dan amalan terbaik antara pelajar UCPH dengan universiti luar negara, pihak industri dan komuniti dapat memberi nilai tambah seterusnya memberi impak positif kepada pembangunan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_A01_AB05_20231_Template bukti KRITERIA 4.5 AKNC2023 1.pdf](#)
2. [K0061_A01_AB05_20232_Template bukti KRITERIA 4.5 AKNC2023 2.pdf](#)
3. [K0061_A01_AB05_20233_Template bukti KRITERIA 4.5 AKNC2023 3.pdf](#)
4. [K0061_A01_AB05_20234_Template bukti KRITERIA 4.5 AKNC2023 4.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UCPh memberikan penekanan dan sentiasa peka terhadap Pengurusan dan Pembangunan Pelajar yang merupakan tumpuan utama penyediaan laporan ini di mana kesemua bahagian dan unit memainkan peranan utama bagi menjayakan agenda tersebut. Untuk menjayakan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar UCPh telah melaksanakan pengambilan sumber tenaga kerja yang selari dengan keperluan fungsi bagi melancarkan proses kerja. Seramai 367 orang staf akademik dan 387 orang tenaga kerja pentadbiran dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan pengurusan UCPh. Dengan adanya sumber manusia yang produktif, ia dapat membantu seramai 7664 pelajar di kedua-dua kampus dalam mencapai objektif strategik UCPh. Perancangan sistematik yang telah disediakan oleh Pengurusan Kanan telah menghasilkan satu inovasi yang memberikan impak yang besar. Sebagai contoh **SPark** iaitu Students' Parcel Kolej yang dihasilkan ini telah memenangi **Pingat Emas** di Peringkat UiTM Konvensyen KIK Zon Timur 2022.

Pengurusan UCPh mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman tenaga kerja bagi melahirkan pelajar yang cemerlang, sinergi & intergriti. Melalui anugerah serta sijil kepakaran yang diperolehi oleh pensyarah kanan iaitu Pn.Azniza Ahmad Zaini, pelajar-pelajar di UCPh mendapat peluang untuk meningkatkan pengetahuan dalam 'Professional Image' serta memberi impak terhadap persediaan pelajar-pelajar di alam pekerjaan. Manakala En. Mukhriz Mohamed yang merupakan penolong pegawai belia dan sukan kanan UCPh telah membantu UCPh melahirkan pelajar yang berprestasi tinggi khususnya dalam sukan memanah sehingga berjaya memenangi **empat (4) pingat emas, lima (5) pingat perak dan satu (1) pingat gangsa** dalam **Sukan Universiti ASEAN 2022 (AUG 2022)** bagi acara memanah.

Dari segi pemantauan, UCPh telah menghasilkan satu kaji selidik Index Kegirangan warga kerja UCPh. Ini dapat disimpulkan bahawa 35.45% staf UCPh berasa sangat gembira terhadap keselesaan ruang bekerja di pejabat. Sebanyak 46.67% staf UCPh pula berasa gembira dan hanya 9% staf sahaja yang berasa sangat tidak gembira terhadap keselesaan ruang bekerja. Index Kegirangan warga kerja UCPh terhadap suasana dan persekitaran Kampus UCPh juga memainkan peranan penting untuk produktiviti warga kerja. Ini dapat dibuktikan bahawa 30.1% staf UCPh berasa sangat gembira terhadap keselesaan ruang bekerja di pejabat dan sebanyak 52.19% staf UCPh pula berasa gembira. Sehubungan itu, bolehlah disimpulkan bahawa Indeks Kegirangan warga kerja UCPh ini berada di tahap yang tinggi dan ia terbukti dengan komitmen padu serta peningkatan kejayaan yang dicapai untuk tahun 2022. . Pengurusan tertinggi UCPh turut memandang serius tentang sebarang kemungkinan berlakunya risiko, oleh itu, kemahiran dan kepakaran staf UCPh telah dioptimumkan sepenuhnya bagi menangani isu yang timbul terutamanya dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar.

Di UCPh, tindakan penambahbaikan dan kaji semula sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan staff sentiasa berada di dalam keadaan yang optimum untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik. Antara tindakan yang dilaksanakan adalah berkonsepkan "**360 feedback**" di mana semua pandangan dan sudut (pelajar, pensyarah & persekitaran) telah diambil kira. Selain itu, UCPh juga mengamalkan pendekatan komunikasi secara dua hala, iaitu **Top Down, Bottom Up Approach** dan ini memberi ruang kepada kakitangan UCPh untuk memberikan pendapat terhadap sesuatu perkara. Komunikasi yang berkesan, ditambah pula dengan sikap keterbukaan daripada pengurusan tertinggi UCPh menyebabkan kakitangan UCPh dapat bekerja dalam persekitaran kerja yang sihat dan kondusif.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UCPh memberikan penekanan dan sentiasa peka terhadap Pengurusan dan Pembangunan Pelajar yang merupakan tumpuan utama penyediaan laporan ini di mana kesemua bahagian dan unit memainkan peranan utama bagi menjayakan agenda tersebut. Untuk menjayakan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar UCPh telah melaksanakan pengambilan sumber tenaga kerja yang selari dengan keperluan fungsi bagi melancarkan proses kerja. Pengambilan adalah berdasarkan kelayakan akademik, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman bagi memastikan pelajar yang menjadi pelanggan utama UiTM dihasilkan dengan penuh berkualiti untuk memenuhi kehendak pasaran semasa.

Kaedah Penglibatan Tenaga Kerja

Seramai 367 orang staf akademik dan 387 orang tenaga kerja pentadbiran dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan pengurusan UCPh. Jadual 5.2.1 di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.2_1* menerangkan bilangan staf akademik dan Jadual 5.2.2 di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.2_1* menerangkan bilangan staf bukan akademik UCPh mengikut gred jawatan. Dengan adanya sumber manusia yang produktif, ia dapat membantu seramai 7664 pelajar dikedua-dua kampus dalam mencapai objektif strategik UCPh.

Komitmen dan penglibatan tenaga kerja sangatlah penting dan sekaligus memastikan kejayaan dalam pengurusan dan pembangunan pelajar UCPh. Jadual 5.2.3 di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.2_2* menunjukkan penglibatan tenaga kerja UCPh terhadap pelajar. Di samping itu, setiap staf sentiasa memastikan jumlah jam latihan yang dihadiri mencapai sekurang-kurangnya 42 jam latihan setahun.

Perancangan sistematik yang telah disediakan oleh Pengurusan Kanan telah menghasilkan satu inovasi yang memberikan impak yang besar. Sebagai contoh **SPark**™ iaitu Students' Parcel Kolej yang dihasilkan ini telah memenangi **Pingat Emas** di Peringkat UiTM Konvensyen KIK Zon Timur ini adalah satu sistem pengurusan parcel untuk pelajar UiTM Kampus Raub ini yang dijalankan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan diselia oleh Pihak Pengurusan Kolej. Sistem ini menggunakan pengimbas universal untuk membolehkan rekod parcel disimpan dan dicari semasa proses serahan pada pelajar dalam tempoh yg cepat iaitu 5 minit sahaja. Projek ini menyumbang kepada penjimatan kos dan fokus utama adalah untuk membantu pelajar B40. Ini kerana mereka bekerja separuh masa dan projek ini meningkatkan kemahiran servis perniagaan dan sara hidup mereka.

Bentuk penghargaan dan pengiktirafan oleh pengurusan kepada sumber tenaga manusia bagi bidang tumpuan yang dipilih.

Pengurusan tertinggi UCPh amat prihatin terhadap tahap prestasi semasa setiap warganya dan percaya bahawa setiap suara mereka adalah teras utama kepada pembangunan UCPh. Berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 bertajuk 'Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam', pihak Universiti telah memutuskan bahawa markah penilaian Prestasi bagi kakitangan yang layak ialah sebanyak 85% dan ke atas. Matlamat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan MyATP adalah untuk mengukur prestasi dan mengekalkan serta mempertingkatkan keupayaan dan produktiviti kakitangan serta mempengaruhi pencapaian organisasi secara keseluruhannya. Ini jelas menunjukkan keberkesanan Pengurusan Tertinggi pusat pengajian ini dalam mengurus pembangunan staf serta memperakukan warganya secara terancang dan hasilnya, staf yang cemerlang dalam bidang tugas yang diamanahkan telah diberikan penghargaan dan pengiktirafan yang sewajarnya. Sehubungan itu, UCPh telah melakukan pelbagai pengiktirafan mengikut kategori staf semada staf akademik dan bukan akademik seperti di Jadual 5.2.4 di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.2_3*.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_S01_SB02_20231_UCPh_Lampiran K5 5.2_1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB02_20232_UCPh_Lampiran K5 5.2_2.pdf](#)
3. [K0061_S01_SB02_20233_UCPh_Lampiran K5 5.2_3.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan UCPh mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman tenaga kerja bagi melahirkan pelajar yang cemerlang, sinergi & intergriti melalui pelaksanaan di Rajah 5.3.1 seperti di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.3_1*.

Kepakaran dan pengalaman tenaga kerja dioptimumkan bagi menjayakan bidang tumpuan melalui perlantikan staf akademik dan pentadbiran menggalas tanggungjawab peringkat dalaman dan luaran seperti Jadual 5.3.1 di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.3_1*

Bagi menyebarkan kepakaran kepada para pelajar, sebagai contoh di bawah BHEP terdapat 33 kelab dan persatuan yang berdaftar di bawah perlembagaan Kelab Persatuan dalaman UCPh. Penasihat bagi setiap kelab dan persatuan terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran.

Kepakaran dan pengalaman tenaga kerja pengkhususan samada dalam bidang akademik dan bukan akademik telah berjaya membantu para pelajar UCPh untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dan telahpun mendapat penganugerahan serta pengiktirafan.

Melalui anugerah serta sijil kepakaran yang diperolehi oleh Pn.Azniza Ahmad Zaini, pelajar-pelajar di UCPh mendapat peluang untuk meningkatkan pengetahuan dalam 'Professional Image' serta memberi impak terhadap persediaan pelajar-pelajar di alam pekerjaan. Kepakaran ini penting sebagai tambahan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar dalam meningkatkan personaliti dan penampilan diri secara professional bagi mempersembahkan imej terbaik terhadap bakal majikan. Jadual 5.3.2 seperti di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.3_2* merupakan senarai ceramah-ceramah beliau.

Berbekalkan kepakaran dan pengalaman beliau yang luas telah En. Mukhriz Mohamed telah membantu UCPh melahirkan pelajar yang berprestasi tinggi khususnya dalam sukan memanah sehingga berjaya memenangi **empat (4) pingat emas, lima (5) pingat perak dan satu (1) pingat gangsa** dalam **Sukan Universiti ASEAN 2022 (AUG 2022)** bagi acara memanah. Bukti dilampirkan seperti di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.3_3*.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_S01_SB03_20231_UCPh_Lampiran K5 5.3_1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB03_20232_UCPh_Lampiran K5 5.3_2.pdf](#)
3. [K0061_S01_SB03_20233_UCPh_Lampiran K5 5.3_3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Peranan utama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah menyediakan peluang pendidikan tinggi kepada masyarakat. Namun peranan universiti hari ini bukan sahaja mendidik anak bangsa bagi mendapatkan pendidikan sempurna, tetapi juga melahirkan pelajar holistik dan berdaya saing. Menyedari hakikat itu, UCPH akan memastikan tahap kepuasan hati staf akademik mahupun pentadbiran sentiasa mencapai tahap optimum.

Persekitaran fizikal kerja dapat mempengaruhi tenaga kerja dari segi pelaksanaan, kepuasan dan kesihatan mereka. Contoh keadaan fizikal seperti ruang kerja (pencahayaan, susun atur dan rekabentuk tempat kerja, jumlah peruntukan ruang dan jenis perabot yang disediakan).

Sehubungan dengan itu, UCPH telah menghasilkan satu kaji selidik Index Kegirangan warga kerja UCPH. Ini dapat disimpulkan bahawa 35.45% staf UCPH berasa sangat gembira terhadap keselesaan ruang bekerja di pejabat. Sebanyak 46.67% staf UCPH pula berasa gembira dan hanya 9% staf sahaja yang berasa sangat tidak gembira terhadap keselesaan ruang bekerja. Rujuk rajah 5.4.1.1 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K5 5.4.1_1.

Index Kegirangan warga kerja UCPH terhadap suasana dan persekitaran Kampus UCPH memainkan peranan penting untuk produktiviti warga kerja. Ini dapat dibuktikan bahawa 30.1% staf UCPH berasa sangat gembira terhadap keselesaan ruang bekerja di pejabat dan sebanyak 52.19% staf UCPH pula berasa gembira. Sehubungan itu, bolehlah disimpulkan bahawa Indeks Kegirangan warga kerja UCPH ini berada di tahap yang tinggi dan ia terbukti dengan komitmen padu serta peningkatan kejayaan yang dicapai untuk tahun 2022. Rujuk rajah 5.4.1.2 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K5 5.4.1_1.

Pengurusan tertinggi UCPH sentiasa prihatin terhadap tahap prestasi semasa setiap warganya termasuk pelajar dan percaya bahawa setiap suara mereka adalah teras utama kepada pembangunan UCPH. Oleh itu tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja telah dikenalpasti dan ditangani melalui Tindakan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.4.1.1 seperti di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.4.1_2*.

Kegagalan pengurusan untuk menangani keluhan tenaga kerja akan menimbulkan kerugian kepada organisasi dalam mencapai produktiviti yang tinggi sekaligus akan menyebabkan kepincangan dan kelemahan organisasi. Justeru, Pengurusan UCPH sentiasa peka terhadap keluhan tenaga kerja terhadap persekitaran dan sistem kerja dan direalisasikan melalui tindakan seperti jadual 5.4.1.2 seperti di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.4.1_2*.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_S01_SB04_SC01_20231_UCPh_Lampiran K5 5.4.1_1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB04_SC01_20232_UCPh_Lampiran K5 5.4.1_2.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan antara elemen terpenting dalam pengurusan sesebuah organisasi. Lantaran itu, UCPh mewajibkan daftar risiko bagi setiap unit, jabatan dan fakulti. Daftar risiko merupakan senarai daftar bagi setiap risiko yang dikenalpasti dan akan digunapakai sebagai satu kaedah bagi menguruskan risiko-risiko yang dihadapi seperti risiko fizikal, mental, persekitaran dan termasuklah risiko sumber manusia. Perbincangan berkenaan bagaimana tindakan yang harus diambil bagi menangani risiko sumber manusia juga dibincangkan secara tersusun menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko Fakulti/Unit. Selain mewujudkan daftar risiko, UCPh juga membangunkan Pelan Pengurusan Risiko seperti Rajah 5.4.2.1 seperti di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.4.2_1* yang berfungsi sebagai panduan kepada ahlinya untuk menguruskan risiko dengan baik. Penting bagi setiap ahli cakna dengan risiko unitnya dan mengambil langkah pencegahan yang efektif bagi menangani risiko yang dihadapi.

Dalam menjayakan sesuatu proses, analisa risiko perlu sentiasa dikenalpasti bagi mengelakkan sebarang masalah di peringkat pelaksanaannya. Pengurusan tertinggi UCPh turut memandang serius tentang sebarang kemungkinan berlakunya risiko, oleh itu, kemahiran dan kepakaran staf UCPh telah dioptimumkan sepenuhnya bagi menangani isu yang timbul terutamanya dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar. Pelbagai tindakan pencegahan risiko diambil bagi mengawal risiko yang dihadapi. Ini dapat di lihat di dalam Jadual 5.4.2.1 seperti di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.4.2_2*.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_S01_SB04_SC02_20231_UCPh_Lampiran K5 5.4.2_1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB04_SC02_20232_UCPh_Lampiran K5 5.4.2_2.pdf](#)
3. [K0061_S01_SB04_SC02_20233_UCPh_Lampiran K5 5.4.2_3.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Di UiTMCPH, tindakan penambahbaikan dan kaji semula sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan staff sentiasa berada di dalam keadaan yang optimum untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik. Antara tindakan yang dilaksanakan adalah berkonsepkan “**360 feedback**” di mana semua pandangan dan sudut (pelajar, pensyarah & persekitaran) telah diambil kira. Selain itu, UiTMCPH juga mengamalkan pendekatan komunikasi secara dua hala, iaitu **Top Down, Bottom Up Approach** dan ini memberi ruang kepada kakitangan UiTMCPH untuk memberikan pendapat terhadap sesuatu perkara. Komunikasi yang berkesan, ditambah pula dengan sikap keterbukaan daripada pengurusan tertinggi UiTMCPH menyebabkan kakitangan UiTMCPH dapat bekerja dalam persekitaran kerja yang sihat dan kondusif.

Nyatakan bagaimana pengurusan bertindak kepada maklumbalas sumber manusia

Setiap maklumbalas yang diterima daripada pelajar mahupun kakitangan sentiasa mendapat perhatian daripada Pengurusan Tertinggi UCPH. Hal ini selaras dengan prinsip **Total Quality Management (TQM)** di mana maklumbalas daripada pengguna perlu diambil perhatian agar tindakan penambahbaikan segera dilaksanakan. Berikut Jadual 5.4.3.1 **rujuk UCPH_Lampiran K5 5.4.3.1** merupakan ringkasan mengenai maklumbalas yang diterima dan tindakan penambahbaikan/kaji semula yang dilaksanakan oleh UCPH.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_S01_SB04_SC03_20231_UCPh_Lampiran K5 5.4.3.1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB04_SC03_20232_UCPh_Lampiran K5 5.4.3.2.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Amalan dan pembudayaan dilaksanakan melalui inovasi yang telah terhasil bagi penyelesaian masalah dari proses pendekatan kaji semula, pemantauan dan pengurusan risiko. Berikut adalah antara pencapaian inovasi terbaik yang dihasilkan oleh UCPh bagi tumpuan pembangunan pelajar adalah seperti Jadual 5.5.1 di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.5_1*. **Bukti-bukti** projek inovasi dapat di lihat di lampiran *UCPh_Lampiran K5 5.5_2*.

“**SIRS**” adalah satu penyelesaian masalah akademik dan peribadi pelajar dapat dikenalpasti di peringkat awal iaitu diperingkat Penasihat Akademik dan digunapakai sehingga sekarang. Penggunaannya telah membuahkan hasil apabila **hasil penganalisan yang diambil dikongsi kepada warga jabatan** dimana ia dapat dibuktikan keberkesanan di peringkat pelajar dan penasihat akademik peringkat UCPh.

Produk inovasi “**SOCO V.7: Risk Management & Duty of Care under Hospitality Industry**” ini bersifat kajian kes undang-undang yang telah disepadankan dengan isu dan dasar semasa kerajaan khususnya dalam pembangunan sektor pelancongan. Dapatan kajian ini dikongsikan kepada pelajar bertujuan mendedahkan kepada pelajar berkenaan dengan pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam membangunkan negara walaupun terpaksa menghadapi fenomena pandemik. Hasil inovasi ini telah memenangi **Pingat Emas di Peringkat Antarabangsa**.

Selain itu, inovasi “**SPark**” iaitu Students' Parcel Kolej yang dihasilkan ini telah memenangi **Pingat Emas** di Peringkat UiTM Konvensyen KIK Zon Timur ini adalah satu sistem pengurusan parcel untuk pelajar UiTM Kampus Raub ini yang dijalankan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan diselia oleh Pihak Pengurusan Kolej. Sistem ini menggunakan pengimbas universal untuk membolehkan rekod parcel disimpan dan dicari semasa proses serahan pada pelajar dalam tempoh yg cepat iaitu 5 minit sahaja. Projek ini menyumbang kepada penjimatan kos dan fokus utama adalah untuk membantu pelajar B40. Ini kerana mereka bekerja separuh masa dan projek ini meningkatkan kemahiran servis perniagaan dan sara hidup mereka.

UiTMCPH juga telah menghasilkan 10 projek MOOC dan 10 projek Micro Credential dimana pelajar boleh menyertai forum pengguna interaktif yang disediakan oleh MOOC dan forum interaktif ini membantu membina komuniti untuk profesor, pensyarah dan pelajar. Antara pencapaian terbaik bagi kategori ini dimana UCPh telah memenangi **pingat Emas & Special Award “Best Mooc Award (lifelong learning)” di peringkat antarabangsa** yang telah dipertandingkan di eCondev di bawah projek MOOC: “**The Sound of Bronze**” yang dihasilkan oleh PPIM dan FPP.

Inovasi “**OPTIMUS**” terhasil adalah dengan mengenal pasti masalah yang dihadapi bagi proses latihan industri di mana proses penempatan, surat pengesahan dan surat pelajar mengambil masa yang agak lama. Inovasi ini juga telah memenangi **pingat Emas** apabila ia menghasilkan “Proses Pengurusan Inovasi yang Lebih Sistematik dan Berkesan”, dan telah berjaya mengurangkan kos, tenaga kerja dan menjimatkan masa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_S01_SB05_20231_UCPh_Lampiran K5 5.5_1.pdf](#)
2. [K0061_S01_SB05_20232_UCPh_Lampiran K5 5.5_2.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan operasi UCPH dibuat berpandukan Objektif Strategik UCPH dan selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 (GRU 2025) dan didokong oleh Nilai PAHANG untuk menjayakan bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. UCPH sentiasa peka kepada aspirasi UiTM dengan memberi penekanan lebih agresif dalam penghasilan graduan berketerampilan, cemerlang dan seimbang dari aspek akademik dan keperibadian yang berteraskan kepada nilai ESI-IDART UiTM. Misi, visi dan nilai UiTM untuk “Menyerlah Potensi, Membentuk Masa Hadapan”, terus dipegang kukuh.

Justeru itu, UCPH komited dalam membangunkan aspek akademik dan bukan akademik pelajar. Pengoperasian UCPH merujuk bidang tumpuan adalah inclusive iaitu merangkumi aspek program, pembangunan pelajar, pencapaian, penghargaan dan pengiktirafan pelajar. Pengoperasian yang mantap telah melibatkan fungsi utama bahagian/PTJ seperti Pentadbiran, BHEA & fakulti, BHEP, PJI dan lain-lain bahagian seperti perpustakaan, bendahari, Bahagian Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur serta UHEI.

Terdapat proses-proses utama dalam pengoperasian UCPH berdasarkan petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan untuk membangunkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pelajar. Kumpulan sasaran difokuskan kepada dua iaitu dalaman (pelajar dan staf) dan luaran (masyarakat, alumni dan stakeholder).

Perancangan operasi UCPH meliputi pengurusan semua aspek akademik dan bukan akademik bermula dari hari pertama pelajar mendaftar sehingga tamat pengajian dan bergraduat. UCPH menawarkan pengajian di peringkat Pra Diploma sehingga PhD melalui 12 fakulti untuk menjaga kualiti keberhasilan pelajar. Perancangan setiap operasi dibuat dengan teliti dan menekankan penglibatan semua pelajar.

Pelaksanaan operasi adalah mengikut syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh setiap program untuk pelajar bergraduat. Sepanjang tempoh pengajian pelajar, kesemua bahagian/PTJ dan fakulti di UCPH turut membantu dalam mengembangkan bakat (kepimpinan, kebudayaan, sukan, kesukarelawanan, keusahawanan). Setiap bahagian berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan/infrastruktur yang terbaik bagi kemudahan pelajar. Pelaksanaan operasi yang mantap diperkasakan berdasarkan nilai ESI-IDART.

Pemantauan operasi bagi setiap pelajar adalah berdasarkan pengurusan dan pemantauan program serta kualiti dan pembangunan akademik pelajar. Contohnya, kehadiran pelajar dan penglibatan di dalam penilaian berterusan akan sentiasa dipantau oleh pensyarah, penasihat akademik dan BHEA. BHEP pula bertanggungjawab dalam pemantauan aspek kokurikulum pelajar dan aktiviti bukan akademik. Mekanisme pemantauan operasi dijalankan secara berterusan bagi menjamin kualiti graduan UCPH melalui Pentaksiran Penilaian PdP (Pro-Pens dan Noble), pembentangan Perancangan Strategik secara sukuan, Kajian Pengesanan Graduan serta kaji selidik PTJ. Faktor penyumbang risiko dan langkah kawalan risiko dikenalpasti dan diwujudkan tindakan penambahbaikan.

Sepanjang tempoh itu, Tindakan Penambahbaikan dan pembetulan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan keberhasilan pelajar tercapai. Laporan Mesyuarat Peringkat Program, mesyuarat JKEN, MKSP, MPD, JAN, JPN, mesyuarat akademik, mesyuarat bahagian/unit dan mesyuarat pusat pengajian/fakulti dijadikan rujukan. Hasil penemuan audit dan pelaporan pencapaian KPI dan PI secara sukuan menjadi kayu pengukur untuk tindakan penambahbaikan dan pembetulan.

Pelajar turut diberikan penghargaan bagi kecemerlangan akademik Hasil kajian pemantauan ini dikongsi kepada pelajar dalam bentuk pengiktirafan dan penganugerahan seperti pemberian Anugerah Dekan, Anugerah Naib Canselor (akademik) dan pemberian Sijil bagi pencapaian dalam bidang sukan/kepimpinan dan bakat/kemahiran (bukan akademik) untuk pembangunan

diri dan kerjaya mereka.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UCPh menyokong pelaksanaan Objektif dan Inisiatif Strategik berteraskan kecemerlangan pelajarannya dengan membangunkan akademik dan bukan akademik mereka serta selari dengan matlamat UiTM 2025 yang menuju kepada Universiti Terkemuka Dunia atau GRU 2025 khususnya kepada aspek kompetensi global (Global Competent) yang merupakan gelombang pencapaian GRU 2025. Ianya dimulai dengan perincian skop tugas diperingkat Pengurusan Tertinggi UCPH, seterusnya diturunkan ke peringkat pegawai pelaksana dan sokongan. Perincian skop tugas ini adalah selaras dengan perjalanan keperluan Akademik dan bukan akademik pelajar dan disokong bersama oleh bahagian-bahagian lain yang merupakan nadi UCPH. Rajah 6.2.1 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.2_1 menunjukkan fungsi bahagian yang terlibat terus dan menyokong pengurusan dan pembangunan pelajar.

Melalui proses utama bagi menyokong Objektif Strategik seperti di Jadual 6.2.2, perancangan sistematik disediakan dengan mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan yang meliputi semua bidang operasi. Proses-proses utama ini diperincikan dengan Pelan Strategik UiTM2025 iaitu merujuk kepada UiTM2025 Desired State yang melibatkan pengurusan dan pembangunan pelajar dalam Pelan Strategik UiTM2025 diuruskan kepada 3 teras strategik:

- a. Pendidikan Berkualiti
- b. Kecemerlangan Global
- c. Prestasi Berorientasikan Nilai

Jadual 6.2.1 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.2_2 menunjukkan proses utama pengoperasian UCPH bersandarkan kepada penekanan terhadap PI yang diberikan kepada Jabatan/Bahagian/Fakulti/Kolej Pengajian UCPH yang akan menjadi kayu pengukur dalam merealisasikan Objektif Strategik. Selain itu, bukti bergambar program/aktiviti yang telah dijalankan boleh dirujuk di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.2_3 manakala lampiran UCPH_Lampiran K6 6.2_4 pula menunjukkan aktiviti berkaitan jalinan industri dan alumni yang melibatkan pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_O01_OB02_20231_UCPh_Lampiran K6 6.2_1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB02_20232_UCPh_Lampiran K6 6.2_2 .pdf](#)
3. [K0061_O01_OB02_20233_UCPh_Lampiran K6 6.2_3.pdf](#)
4. [K0061_O01_OB02_20234_K0061_O01_OB02_20234_UCPh_Lampiran K6 6.2_4.pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelan PDCA digunapakai untuk menyokong pelaksanaan proses utama, Objektif dan Inisiatif Strategik pengurusan dan pembangunan pelajar yang bermula dari perancangan, pelaksanaan, dan pelaporan program yang telah dijalankan. Bagi memastikan perancangan ini dapat dilaksanakan, beberapa garis panduan telah ditetapkan berpandukan manual pengurusan dan juga pekeliling edaran semasa. Model PDCA pengoperasian ditunjukkan di Rajah 6.3.1 seperti di lampiran UCPh_Lampiran K6 6.3_1 yang melibatkan keseluruhan bahagian di UCPh.

Perancangan (Plan) yang teliti mengikut fungsi bahagian ditunjukkan di Rajah 6.2.1 seperti di lampiran UCPh_Lampiran K6 6.2_1 dirangka bagi memastikan persediaan segala proses, program dan aktiviti dapat dijalankan dengan tersusun. Perancangan ini melibatkan proses utama PTJ/bahagian/unit dengan menumpukan 3 teras strategik GRU2025 iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai seperti di Jadual 6.2.1 seperti di lampiran UCPh_Lampiran K6 6.2_2.

Pelaksanaan (Do) setiap perancangan yang dibuat meluas kepada PTJ/bahagian/unit lain di UCPh dan turut dibantu oleh persatuan pelajar dan MPP. Bahagian Pentadbiran, mengurus pengoperasian pelaksanaan pengurusan sumber manusia yang kompeten. BHEA pula menekankan pelaksanaan pengoperasian PdP serta pelaksanaan program mobiliti dan jalinan (engagement) melalui pemeteraian MoU/MoA di antara universiti antarabangsa. BHEP berperanan dalam melaksanakan semua aktiviti yang dapat memantapkan aspek bukan akademik pelajar. Pelaksanaan melibatkan penyelidikan, penulisan, inovasi, jaringan industri pula diuruskan oleh PJI. Lain-lain bahagian seperti Perpustakaan, Bendahari, UHEI, Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Infostruktur turut terlibat dalam pelaksanaan bagi memantapkan fasiliti/kemudahan menyasarkan pengurusan dan pembangunan pelajar. Pelaksanaan bengkel-bengkel pementapan pembangunan pelajar serta penggalakan kemajuan akademik melalui pembentukan jawatankuasa dan perlantikan PIC yang menguruskan aktiviti/program pelajar dapat memperkasakan pelajar. Ini selaras dengan hasrat melahirkan mahasiswa dan graduan yang holistik serta berdaya saing, berketerampilan, cemerlang dan seimbang dari aspek pencapaian akademik dan keperibadian yang berteraskan kepada ESI-IDART UiTM.

Pemantauan (Check) sentiasa diambilkira di UCPh. Kepimpinan kanan UCPh mengenalpasti prestasi pencapaian dengan memastikan sistem pengukuran yang dibuat meliputi keseluruhan aspek bagi meningkatkan pembangunan pelajar. Penglibatan pasukan audit dalam memantau pencapaian program pembangunan pelajar merupakan salah satu mekanisme yang digunakan dalam aspek pemantauan bagi memastikan sasaran dapat dicapai. Pemantauan juga adalah menyeluruh kepada pelajar serta melibatkan peranan MPP, DEM dan JPK. Pemantauan KPI dan PI keseluruhan kampus juga dilakukan bagi menjamin pelaksanaan aktiviti UCPh lebih fokus terhadap PI yang belum tercapai. Pemantauan juga dibuat melalui mesyuarat-mesyuarat utama kampus, mesyuarat bahagian dan fakulti, mesyuarat pembentangan laporan PI jabatan masing-masing bersama induk secara sukuan serta dengan pelaksanaan audit secara berkala.

Bagi menjamin pengoperasian yang berkualiti dan menghasilkan output yang berimpak tinggi berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar UCPh, penambahbaikan (action) amatlah ditekankan. Ini dilakukan dengan merujuk kepada pemantauan yang dilaksanakan, maklum balas yang dianalisa dan juga tindakan penambahbaikan oleh pengurusan tertinggi serta di peringkat PTJ/bahagian/unit di UCPh. Bagi sasaran yang tidak dicapai, inisiatif penambahbaikan dilaksanakan berpandukan pelan PDCA sepertimana yang telah dibincangkan semasa Mesyuarat Pembentangan Prestasi Sukuan UCPh berdasarkan Mitigation Plan (Way Forward) yang dibentang oleh setiap PTJ.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_O01_OB03_20231_UCPh_Lampiran K6 6.3_1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil jangkaan terhadap pelaksanaan Objektif dan Inisiatif Strategik bidang tumpuan pilihan bagi menjamin kelestarian pencapaian pengurusan dan pembangunan pelajar ditunjukkan di Jadual 6.4.1.1 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.4.1_1. Hasil jangkaan ini diterangkan berdasarkan keperluan UiTM induk, Objektif Kualiti UCPH dan proses utama yang terdapat di UCPH.

Antara kaedah pemantauan yang digunakan adalah penggunaan aplikasi e-aduan, e-ruang, e-projek, Student Involvement Report System (SIR), maklum balas pelajar (SuFO), EE-survey, Laman sesawang Rasmi UPCh, sosial media UCPH serta hasil daripada laporan aktiviti selepas sesuatu program dijalankan. Komunikasi dua hala antara pelajar dan pensyarah juga amat ditekankan. Hasil pemantauan digunakan untuk kaji semula pengurusan bagi memastikan masalah yang sama tidak berulang. Hasil jangkaan dikenalpasti dan ditetapkan merujuk kepada penetapan KPI dan PI setiap PTJ/bahagian supaya UCPH sentiasa di landasan yang betul bagi menyokong aspirasi universiti sebagai universiti tersohor sebaris dengan universiti lain di dalam dan di luar negara Malaysia. UCPH turut sentiasa memantau pencapaian Objektif dan Inisiatif Strategik dengan memberi tumpuan kepada tiga teras strategik, iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berpandukan nilai yang dilaporkan melalui mesyuarat laporan hasil pencapaian KPI dan PI kepada PSTU. Pelaporan adalah secara berkala mengikut sukuan tahun serta membuat perancangan bagi memenuhi KPI dan PI yang belum tercapai. Bukti bergambar program/aktiviti yang disertai pelajar seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.4.1_2.

SENARAI BUKTI:

1. [K0061_O01_OB04_OC01_20231_UCPh_Lampiran K6 6.4.1_1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB04_OC01_20232_UCPh_Lampiran K6 6.4.1_2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko adalah satu komponen tadbir urus yang dilaksanakan oleh UCPH bagi memastikan objektif dan sasaran yang ditetapkan adalah tercapai. Pengurusan risiko melibatkan proses mengenalpasti, penilaian tahap dan mengenal pasti keutamaan, tindakan mitigasi, pelaksanaan, pemantau, penambahbaikan serta merancang tindakan pencegahan dan penyediaan pelaporan untuk meminimumkan kesan kejadian buruk atau memaksimumkan peluang. UCPH melaksanakan pengurusan risiko berpandukan kepada Buku Panduan Pengurusan Risiko UiTM. Rajah 6.4.2.1 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.4.2_1 menunjukkan proses pengurusan risiko yang menjadi panduan UCPH.

Daftar risiko direkodkan di dalam sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) oleh Penyelaras Unit Risiko UCPH dengan mengambil kira pelaporan daftar risiko yang dibentangkan oleh PTJ/bahagian di dalam mesyuarat pengurusan Risiko UiTM Pahang yang diadakan secara berkala setiap tahun yang ditunjukkan di Rajah 6.4.2.2 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.4.2_1. Ini merupakan strategi kawalan UCPH bagi mengelak risiko, menerima risiko, mengawal risiko dan memindahkan risiko.

Dalam mengenal pasti risiko yang mungkin dihadapi oleh UCPH, bahagian/unit yang berkaitan telah mewujudkan beberapa jawatankuasa bertindak bagi memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar UCPH seperti di Jadual 6.4.2.1 (UCPh_Lampiran K6 6.4.2_2) tersusun dan mengelakkan sebarang risiko melibatkan pelajar.

Penyenaaraian risiko, tahap risiko serta perancangan mengatasi risiko dibincangkan bersama pengurusan tertinggi UCPH dalam mengenal pasti input risiko yang perlu diberi perhatian kepada seluruh sistem UCPH (Jadual 6.4.2.2 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.4.2_3).

Pada masa kini, UCPH berada di peringkat pengurusan risiko berterusan iaitu memfokuskan kepada pengenalpastian, penilaian, tinjauan, sistem pengurusan risiko dan pembudayaan pengurusan risiko. Keseluruhan PTJ di UCPH di beri kesedaran untuk mengamalkan pengurusan risiko di peringkat fakulti, bahagian dan unit masing-masing dan dilaporkan kepada jawatankuasa berkaitan. Langkah ini menunjukkan komitmen penuh UCPH untuk sentiasa memberi fokus kepada pembangunan pelajarinya agar tindakan pencegahan dapat dirancang bagi tujuan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_O01_OB04_OC02_20231_UCPh_Lampiran K6 6.4.2_1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB04_OC02_20232_UCPh_Lampiran K6 6.4.2_2.pdf](#)
3. [K0061_O01_OB04_OC02_20233_UCPh_Lampiran K6 6.4.2_3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisan tumpuan operasi dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan bagi bidang tumpuan pilihan bagi menjamin kelestarian pencapaian pengurusan dan pembangunan pelajar. Hasil pemantauan digunakan untuk kaji semula pengurusan bagi tindakan penambahbaikan hasil dari penganalisan dan dikongsikan kepada warga UCPH dan ditunjukkan di Jadual 6.4.3.1 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.4.3_1.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_O01_OB04_OC03_20231_UCPh_Lampiran K6 6.4.3_1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil analisa data yang dikaji semula dan dibuat penambahbaikan telah menjurus kepada penciptaan inovasi yang memberi nilai tambah dan peningkatan pencapaian khususnya untuk pembangunan pelajar. Jadual 6.5.1 seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.5_1 menunjukkan penambahbaikan berterusan dan inovasi UCPH. Bukti bergambar program/aktiviti seperti di lampiran UCPH_Lampiran K6 6.5_2.

UCPh mengamalkan budaya kerja yang efisien dalam memastikan pencapaian pelajar bagi setiap bidang yang mereka ceburi memperoleh kejayaan untuk meningkatkan imej UiTM sejajar dengan GRU 2025. Melalui budaya tersebut UCPH menyediakan sistem PERMATA sebagai salah satu alternatif proses kerja ke arah digital. Sistem tersebut dibuat untuk memudahkan pelajar membuat permohonan bagi mengadakan penganjuran program secara online.

Bagi memastikan inovasi dan jaringan industri sentiasa dibudayakan, setiap bahagian sentiasa menganjurkan lawatan pelajar, kerjasama dalam penganjuran kursus dan industri, lawatan penanda aras dengan pihak industri, penyertaan seminar, pameran, pertandingan dan penyertaan dalam gotong-royong bersama syarikat atau agensi luar.

Dalam merealisasikan matlamat GRU2025, teknologi dan inovasi seperti MOOC dan konsep pembelajaran bersepadu (blended learning) sentiasa dilaksanakan secara aktif. UCPH juga telah menghasilkan 10 projek MOOC dan 10 projek Micro Credentials dimana pelajar boleh menyertai forum pengguna interaktif yang disediakan oleh MOOC dan forum interaktif ini membantu membina komuniti untuk profesor, pensyarah dan pelajar. UCPH telah memenangi pingat Emas & Special Award “Best Mooc Award (lifelong learning)” yang telah dipertandingkan di eCondev di bawah projek MOOC: “The Sound of Bronze” yang dihasilkan oleh PPIM dan FPP.

UCPh juga menggalakkan kerjasama melalui pemetraian MoU/MoA bersama industri di peringkat pengajaran, penyelidikan, dan pengkomersilan, dan pada masa yang sama menjalinkan kerjasama antara universiti luar negara. Dengan adanya perkongsian ilmu dan amalan terbaik antara pelajar UCPH dengan universiti luar negara khususnya dapat memberi memberi impak positif kepada pembangunan pelajar seterusnya membantu UiTM untuk menjadi Global Renowned University 2025, secara tidak langsung memberi manfaat kepada komuniti, masyarakat setempat dan rakan strategik.

Selain itu, UCPH juga sentiasa memastikan program pengurusan dan pembangunan pelajar boleh dilaksanakan dengan tersusun mengikut garis panduan yang telah ditetapkan bagi memastikan objektif program tercapai. UCPH juga komited dalam menyediakan kemudahan kolej yang selesa untuk pelajar supaya mereka dapat tinggal di kediaman yang kondusif dan harmoni.

SENARAI BUKTI :

1. [K0061_O01_OB05_20231_UCPh_Lampiran K6 6.5_1.pdf](#)
2. [K0061_O01_OB05_20232_UCPh_Lampiran K6 6.5_2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL DARI PELAKSANAAN STRATEGI

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UCPh telah merancang pencapaian kampus berdasarkan kepada penetapan Perancangan Strategik yang telah diselaraskan berpandukan Pelan Strategik UiTM2025. Disamping itu, penekanan kepada **Globally Renowned University (GRU) 2025 yang memfokuskan pada perubahan, perkembangan dan keperluan membabitkan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs)** menjadi salah satu agenda utama dalam perancangan strategik aspek pembangunan dan pengurusan pelajar UCPh. Hal ini selari dengan perancangan strategik UiTM induk ke arah menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025. **Pencapaian objektif strategik UCPh diukur melalui teras pembangunan pelajar berorientasikan nilai dan teras kecemerlangan global.**

Dalam memenuhi objektif strategik UiTM 2025 yang berteraskan keusahawanan, UCPh telah menekankan pemupukan graduan seimbang dan mempunyai ciri usahawan menerusi program **Asnafpreneur**, penyediaan **Pusat Latihan Inkubator MASMED (PLIM)**, **Penubuhan KOSISWA dan MyAgrosis**. Peningkatan alumni yang menjadi usahawan membuktikan adaptasi graduan berteraskan keusahawanan berjaya dipupuk dan dihasilkan selari dengan perkembangan semasa.

Bagi memastikan penghayatan nilai **Excellence, Synergy dan Integrity (ESI) serta Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab (i-DART)** diterap dalam warga UCPh, program yang dianjurkan perlu mempunyai nilai-nilai ini. Ini dapat dilihat daripada program **Tok Gajah Flea Market** dan juga program **Malaysia Tanah Airku, Sayangi Malaysiaku**. Selain itu, penglibatan pelajar dalam program **University Social Responsibility (USR)** dapat memperkukuhkan lagi jaringan sosial dan mendedahkan pelajar kepada komuniti antaranya Khidmat Masyarakat dan 'Empowering Healthy Activity For Better Lifestyle' Siri II Bersama **Orang Asli Kaum Batek** telah dianjurkan oleh Fakulti Sains Sukan & Rekreasi UCPh dengan kerjasama Institut Sains Biologi (ISB) dari Fakulti Sains, Universiti Malaya melalui projek khas iaitu 'Rimba Project 2.0'.

UCPh komited dalam pelajar yang **seimbang dari segi EQ dan IQ** antaranya penyertaan pelajar dalam bidang **sukan hingga ke peringkat antarabangsa** seperti saudari **Aida Wardina binti Mohd Lazim** yang telah terpilih mewakili pasukan **ragbi wanita Malaysia** bawah 20 tahun ke kejohanan Asia Rugby Men's & Women's Under 20 Sevens 2022 di **Tashkent, Uzbekistan**. UCPh juga menggalakkan penglibatan pelajar dalam inovasi dan teknologi seperti melalui penganjuran *The fourth Virtual International Breakthrough Invention, Innovation & Design Exhibition (VI-BiiDE2022)* dan **hasil inovasi pelajar** yang menyertai program ini telah berjaya mendapat pingat perak seperti projek "Smart AI Trash Bin" dan projek "*Distancing Sensor*" manakala pingat gangsa bagi projek "Multifunction Car Dustbin (MCD)" projek "Innovation Trolley (INNOTROLLEY)".

Konklusinya, pembangunan dan pengurusan pelajar yang telah dihasilkan berupaya mengikut acuan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Penerapan nilai ESI dan IDART menjadi elemen utama dalam aktiviti pelajar memangkin satu mekanisme yang boleh memacu UCPh dalam merealisasikan falsafah dan objektif UiTM amnya dan UCPh khususnya. Penekanan terhadap GRU 2025 secara tidak langsung membuktikan UCPh komited dalam menghasilkan graduan UCPh yang unggul dan berkualiti seperti yang diinginkan oleh UiTM.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0001_HB02_20231_7.1.2 TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0061_HB03_20232_7.1.3 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0061_HB04_20233_7.1.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0061_HB05_20234_7.1.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

7.2 RUMUSAN EKSEKUTIF HASIL DARI TUMPUAN PELANGGAN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fokus pembangunan pelajar dipilih bagi menunjukkan bahawa UCPH amat komited dalam peningkatan setiap pelajar dengan mensasarkan beberapa teras utama yang telah ditetapkan oleh UCPH. UCPH juga telah menetapkan sasaran indeks prestasi (KPI) yang perlu dicapai oleh pelajar melalui jumlah *Percentage of GOT students (Undergraduate)*, *Number of inbound and outbound students*, *The number of students involved in IPT's Innovation and Technology based programmes*, *Number of new SULAM's programmes with industry involvement in relation to service-learning activities*, *Number of students involved in the e-sport industry*, *Number of value-added programmes with certification by an authorised organisation organised by residential colleges*, *Number of students involved in creative industry programme*, *Number of programme related to emotional well-being*, *Number of students involved in leadership programmes* dan beberapa indikator yang lain yang berpandukan **Rancangan Malaysia ke 12, Education 5.0** dan **Pelan Strategik UiTM2025**. Indikator pertama adalah **PI006 Percentage of GOT students (Undergraduate)**. UCPH telah **melebihi sasaran** sebanyak 14.85% daripada target yang harus dicapai. Indikator kedua adalah aspek **Number of inbound and outbound students (PI007, PI008, PI009 hingga PI010)**. Semua indeks prestasi universiti UCPH yang melibatkan inbound dan outbound pelajar untuk sehari dan dua minggu tercapai dengan gemilang dan **melebihi sasaran**. Selain itu, bagi **PI019 Number of alumni successfully became entrepreneurs** menunjukkan bahawa bilangan alumni yang telah berjaya menjadi usahawan telah **mencapai sasaran** pada tahun 2022. **PI026 The number of students involved in IPT's Innovation and Technology based programmes** juga menunjukkan pencapaian **melebihi sasaran**. **PI027 Number of new SULAM's programmes with industry involvement in relation to service-learning activities** juga mencapai **melebihi sasaran** indeks pencapaian universiti iaitu 7 pada tahun 2022. Indikator seterusnya adalah bilangan pelajar yang terlibat dalam industri e-sukan jauh **melebihi sasaran** pencapaian indeks universiti bagi (**PI033**). Bukan itu sahaja, bilangan program yang dianjurkan oleh kolej kediaman juga telah berjaya mencapai target pada tahun 2022. Hal ini telah **mencapai sasaran** indeks prestasi universiti bagi **PI034 Number of value-added programmes with certification by an authorised organisation organised by residential colleges**. Penyertaan pelajar dalam program penciptaan dan inovasi sangat luar biasa. Ini terbukti dengan melihat pencapaian **PI037 Number of students involved in invention and innovation activities** yang jauh melebihi sasaran yang ditetapkan (178 pelajar). **PI087 Number of students involved in leadership programmes** dan **PI046 Number of students involved in creative industry programme** juga memaparkan **peningkatan positif** bilangan pelajar terlibat di dalam program kepimpinan dari tahun 2020 hingga 2022. Beberapa aktiviti anjuran dalam dan luar UCPH telah disertai oleh pelajar termasuklah aktiviti di peringkat antarabangsa. Seiring dengan hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia, UCPH menganjurkan program “Virtual Mobility Programme” bersama dengan universiti-universiti antarabangsa. Sekaligus, program ini telah **memberi impak antarabangsa**. Tambahan, program reka cipta dan inovasi yang bertaraf antarabangsa juga dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UCPH yang disertai pelajar dan penilai dari UCPH dan universiti luar negara. Ini terbukti bahawa pelajar UCPH mampu berdaya saing dan mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menyertai program-program antarabangsa untuk mendokong objektif strategik universiti selaras dengan GRU 2025 ke arah Globally Competent.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0061_HB02_20231_TUMPUAN PELANGGAN-TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0061_HB03_20232_TUMPUAN PELANGGAN -TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0061_HB04_20233_TUMPUAN PELANGGAN- PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0061_HB05_20234_TUMPUAN PELANGGAN-KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

7.3 RUMUSAN EKSEKUTIF HASIL DARI TUMPUAN OPERASI

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fokus pengurusan dan pembangunan pelajar dipilih bagi menunjukkan bahawa UCPh amat komited dalam menjayakan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar, sejajar dengan aspirasi Rancangan Malaysia ke-12, Pelan Strategik UiTM 2025(GRU 2025), lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu “Graduan Holistik” dan Amanat Naib Canselor 2022 yang memberi penekanan kepada nilai ESI-iDART UiTM, misi, visi dan nilai UiTM bertemakan “Menyerlah Potensi, Membentuk Masa Hadapan”. UCPh telah menetapkan sasaran indeks prestasi (KPI) yang memberi tumpuan kepada keperluan pelanggan melalui pelbagai aspek, termasuk **pengajaran dan pembelajaran, keusahawanan, inovasi dan teknologi, industri E-Sukan dan kreatif, program patriotism, ESI-IDART**, serta **kesejahteraan emosi dan aktiviti kerjaya** melibatkan pembabitan UCPh di persada antarabangsa. UCPh mencapai kejayaan dalam pengajaran, pembelajaran, inovasi, dan teknologi, **melebihi sasaran** indeks prestasi universiti bagi pendaftaran kod kursus MOOC selama tiga tahun berturut-turut. Ini menunjukkan populariti MOOC dari UCPh meningkat dan secara langsung menarik pelajar dari seluruh dunia. Sistem PnP di UCPh menyumbang kepada 97.62% pelajar berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, program inovasi dan teknologi membantu pelajar menjadi usahawan yang kreatif dan inovatif, dengan peningkatan alumni usahawan sebanyak 137% dan yang paling membanggakan penglibatan pelajar dalam **program antarabangsa**, mencapai 322% daripada sasaran. Industri E-Sukan dan kreatif juga berjaya **melebihi sasaran**, mengiringi era Revolusi Industri 4.0. Program patriotisme, ESI-IDART, dan kesejahteraan emosi yang membentuk graduan berdaya saing dengan pencapaian **melebihi sasaran**. Dari segi keyakinan dari industry, syarikat sangat yakin dengan kualiti graduan UCPh, di mana mencatatkan peningkatan dua kali ganda dalam penglibatan aktiviti kerjaya. UCPh dan Universitas Halu Oleo, Universitas Negeri Malang, dan Universitas Gadjah Mada telah mejayakan Program “Global Environmental Science and Education Programme” yang banyak membuka ruang dan juga peluang kepada pelajar-pelajar mempelajari maklumat dan pengetahuan baru dari negara-negara yang terlibat. Selari dengan akademik, program-program kokurikulum juga telah diungguli oleh pelajar-pelajar dari UCPh. Ini dibantu oleh staf dalam menyertai program yang berimpak tinggi yang membentuk kepimpinan dan personaliti pelajar. Antara program tersebut adalah **Festival Tari Malaysia Peringkat Zon Timur 2022, Anugerah Teater Malaysia 2022, Program Pertukaran Pelajar Secara Atas Talian Bersama Rakan Strategik Universiti Antarabangsa, Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Unit Kesihatan Bersama Murid Kelas Pendidikan Khas, SMK Jengka Pusat, dan Anugerah Pencapaian PI Kerjaya Terbaik sempena Majlis Apresiasi Pegawai Psikologi UiTM 2022**. Melalui penglibatan pelajar dalam program yang dianjurkan membolehkan pelajar mempelajari pelbagai perkara baru dan mengasah keperibadian diri lantas menjadikan mereka sebagai pelajar yang berketerampilan tinggi. Di sudut kesukanan, kejayaan telah ditempa oleh pelajar-pelajar UCPh. Ia adalah hasil pendedahan pelajar dengan program berimpak tinggi yang diadakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beberapa pelajar dari UCPh telah berjaya menempatkan diri pada tahap yang tinggi dalam bidang sukan seperti Asia Rugby Men & Women Under 20 Sevens di Uzbekistan, Dodgeball Peringkat Piala Dunia di Mesir, dan Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) di UPSI. Dengan ini, UCPh menyatakan bahawasanya “Globally Competence” iaitu lonjakan kedua untuk mencapai Pelan Strategik UiTM 2025 telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang dan penuh iltizam.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0061_HB02_20231_AKNC2023 - FOKUS TUMPUAN OPERASI - TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0061_HB03_20232_AKNC2023 - FOKUS TUMPUAN OPERASI - TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0061_HB04_20233_AKNC2023 - FOKUS TUMPUAN OPERASI - PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0061_HB05_20234_AKNC2023 - FOKUS TUMPUAN OPERASI - KEPENTINGAN.pdf](#)